Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"KATAKANLAH (wahai Nabi Muhammad) : Inilah jalan-Ku, Aku dan orang-orang yang mengikuti-Ku menyeru (kamu) kepada (agama) Allah atas (dasar) hujah yang nyata (dan meyakinkan)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yusuf, ayat 108.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.44 | SUBUH 4.54 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.33 | ZUHUR 12.16 | ASAR 3.20 | MAGHRIB 6.19 | ISYAK 7.28
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 112 | 17 SEPTEMBER 2022 / 1444 صفر 20 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

*"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.*

**- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.**

# KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT KE ISTIADAT PEMAKAMAN NEGARA BAGI HER MAJESTY QUEEN ELIZABETH II

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**LONDON, UNITED KINGDOM,** Rabu, 14 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke London, United Kingdom bagi menghadiri Istiadat Pemakaman Negara bagi Her Majesty Queen Elizabeth II, iaitu seorang Ratu dan juga bonda kepada His Majesty King Charles III, King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.

Istiadat Pemakaman Negara yang akan berlangsung di Westminster Abbey, London pada 19 September 2022 ini juga dijangka akan dihadiri oleh ahli-ahli Kerabat Diraja dan Ketua-ketua Negara daripada seluruh dunia.

Her Majesty Queen Elizabeth II yang berusia 96 tahun, mangkat pada hari Khamis, 8 September 2022, jam 6.30 petang (British Summer Time - BST) di Balmoral Castle, Scotland. Baginda merupakan pemerintah British yang paling lama memerintah dalam sejarah iaitu menjangkau selama 70 tahun dan 214 hari, bermula daripada 6 Februari 1952 sehingga 8 September 2022.

>> Muka 2

# Bacaan Yaa Siin, Tahlil sempena Ulang Tahun Pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong bersempena dengan memperingati Ulang Tahun Pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal Ke-66 di Negara Brunei Darussalam.**

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam (JPI) telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong hari ini bersempena dengan memperingati Ulang Tahun Pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal Ke-66 di Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 3

# COVID-19 : 228 kes disahkan sembuh

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 16 September. - Sebanyak 228 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 222,568.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak dua kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Manakala tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

>> Muka 2

# Siswazah, kakitangan UTB cemerlang diraikan

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Khamis, 15 September.- Lebih 100 orang yang terdiri daripada siswazah dan kakitangan daripada Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah diraikan pagi tadi pada Majlis Anugerah Cemerlang UTB 2022 sempena Majlis Konvokesyen UTB 2022 yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Majlis UTB.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Naib Canselor UTB semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya selaku Pengerusi Majlis Anugerah Cemerlang UTB 2022 sempena Majlis Konvokesyen UTB 2022, menjelaskan anugerah berkenaan adalah untuk meraikan dan mempromosikan budaya kecemerlangan UTB.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



KELAYAKAN digital serantau giat dilaksanakan
Muka 6



BERSAMA membanteras kegiatan dadah haram
Muka 7



RENCANA

INDAHNYA Bahasa Isyarat
Muka 21

## STATUS COVID-19
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 16 SEPTEMBER 2022

| | |
|---|---|
| 78.3% | 3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum |
| 61.2% | 3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun |
| 84.7% | 2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun |
| 228 | Jumlah kes sembuh 24 jam lalu |
| 222,568 | Jumlah kes yang sembuh |

Ministry of Health, Brunei Darussalam | mohbrunei | www.moh.gov.bn

Pelita Brunei

# Kebawah DYMM akan berangkat ke Istiadat Pemakaman Negara bagi Her Majesty Queen Elizabeth II

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**>> Muka 1**

Kemangkatan baginda merupakan satu kehilangan yang amat mendalam kepada masyarakat antarabangsa amnya termasuk yang berada di Negara Brunei Darussalam, yang mana pada sepanjang pemerintahan, baginda dikenali sebagai seorang pemimpin berwibawa dan unggul dari segi budi pekerti, berhemah dan berpengetahuan tinggi.

Keakraban hubungan istimewa antara Kerabat Diraja Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom sudah sekian lama terjalin sejak berkurun lamanya, yang juga merupakan satu sejarah besar yang penting di mana kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas terutamanya dalam pelbagai bidang seperti pertahanan, pendidikan, perdagangan dan pelaburan.

Hubungan akrab ini akan terus dijadikan ristaan sejarah sebagai pemangkin dalam mencapai kesejahteraan dan kemakmuran bersama. Ini dapat dilihat melalui beberapa siri keberangkatan yang lalu seperti Keberangkatan Negara Her Majesty Queen Elizabeth II ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 1972 dan 1998; dan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan perjumpaan bersama Her Majesty di Buckingham Palace pada 14 Disember 2017 serta menghadiri Majlis Her Majesty the Queen's Dinner bagi meraikan Ketua-ketua Kerajaan yang menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di London pada 19 April 2018.

# COVID-19 : 228 KES DISAHKAN SEMBUH

**Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**
**Infografik : Kementerian Kesihatan**

**>> Muka 1**

Bagi Program Vaksinasi setakat 16 September 2022, sebanyak 84.7 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.2 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.3 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.2 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.







## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | SAFAR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 17 | SABTU | 20 | 4.44 | 4.54 | 6.11 | 6.33 | 12.16 | 3.20 | 6.19 | 7.28 |
| 18 | AHAD | 21 | 4.44 | 4.54 | 6.11 | 6.33 | 12.16 | 3.20 | 6.19 | 7.28 |
| 19 | ISNIN | 22 | 4.43 | 4.53 | 6.10 | 6.33 | 12.15 | 3.21 | 6.18 | 7.27 |
| 20 | SELASA | 23 | 4.43 | 4.53 | 6.10 | 6.32 | 12.15 | 3.21 | 6.18 | 7.27 |
| 21 | RABU | 24 | 4.43 | 4.53 | 6.10 | 6.32 | 12.15 | 3.21 | 6.17 | 7.26 |
| 22 | KHAMIS | 25 | 4.43 | 4.53 | 6.10 | 6.32 | 12.14 | 3.21 | 6.17 | 7.26 |
| 23 | JUMAAT | 26 | 4.42 | 4.52 | 6.09 | 6.32 | 12.14 | 3.21 | 6.16 | 7.25 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 32 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 17 SEPTEMBER 2022

# Hargai nikmat umur

**NEGARA** Brunei Darussalam mengambil satu langkah ke hadapan dengan pengurangan langkah berjaga-jaga COVID-19. Perkara ini diumumkan semasa Sidang Media Normal Baharu yang diadakan pada 12 September 2022. Pengurangan ini meliputi pemakaian sungkup muka tidak lagi diwajibkan sama ada di dalam atau di luar bangunan dan orang ramai boleh membuat pilihan sendiri (*optional*), penjarakan bagi sembahyang fardu dan Jumaat adalah seperti biasa tetapi pemakaian sejadah sendiri adalah digalakkan (tidak dimestikan), penggunaan Ujian Pantas Antigen (ART) di sekolah-sekolah juga adalah tidak lagi dijadualkan akan tetapi bagi yang kurang sihat adalah digalakkan untuk membuat ART atas tanggungan sendiri.

Apa yang penting kita mesti sentiasa bersyukur dengan apa yang telah Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita. Kemunculan COVID-19 adalah sebagai peringatan kepada kita tentang nikmat umur. Bagaimana kita memanfaatkan umur kita setiap hari. Adakah nikmat umur kita setiap hari mendatangkan kebaikan atau sebaliknya. Semestinya apa yang diimpikan adalah nikmat umur yang mendatangkan kebaikan. Tetapi pelbagai cabaran dan dugaan yang perlu dan mesti ditempuhi dari semasa ke semasa. Kita tidak dapat membahagiakan setiap insan yang ada di sekeliling kita. Jadinya COVID-19 mengajar kita untuk sentiasa muhasabah diri atau sentiasa memperbaiki diri dari semasa ke semasa.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rahman, ayat 13 antara lain makna terjemahannya "*Maka nikmat Tuhan-Mu yang manakah yang kamu dustakan*?". Ayat ini diulang dalam satu surah sebanyak 31 kali. Ini bererti segala apa yang Allah turunkan kepada kita di dunia ini sama ada yang baik atau tidak baik adalah nikmat. Sebagai contoh, Allah turunkan kepada kita hujan lebat selepas kemarau yang lama, nikmat yang Allah sediakan ialah kesabaran kita dalam menghadapi kemarau, nikmat hujan yang membasahi bumi, membasahi tumbuh-tumbuhan, nikmat rezeki dan rahmat dari Allah. Perkara-perkara seperti ini mungkin sahaja kita terlepas pandang dengan nikmat yang Allah telah susun rapi untuk kita.

Mengenai dengan nikmat umur pula, antara perkara yang akan ditanya pada hari kiamat kelak ialah bagaimana kita memanfaatkan umur semasa hayat kita di dunia, sebagaimana tersebut di dalam hadis Nabi Sallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam At-Tarmizi dari Abi Barzah Aslami maksudnya :

"Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "*Tidak berganjak kedua kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga ia disoal tentang umurnya pada perkara apakah ia habiskan dan tentang ilmunya untuk apakah ia gunakan dan tentang harta bendanya dari manakah ia peroleh dan pada apakah ia belanjakannya dan juga tentang tubuh badannya pada perkara apakah ia menggunakan kemudaan dan kecergasannya*".

Nikmatilah umur yang masih ada dengan sebaik mungkin. InsyaaAllah dengan kita mengharapkan keredaan dan keberkatan dari Allah, kita akan merasai nikmat umur ini dengan sebaik mungkin. Kerana kita tahu memanfaatkan umur yang ada. Sekian Sidang Pengarang buat keluaran kali ini. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

# BACAAN YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA ULANG TAHUN PELAKSANAAN PENDIDIKAN UGAMA FORMAL

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**>> Muka 1**

Majlis berkenaan khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Unit Al-Quran, Bahagian Kenaziran, JPI, Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat yang juga mengepalai bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Seramai 300 orang terdiri daripada para pegawai kanan, para pegawai termasuk guru-guru dari sekolah-sekolah Arab dan ugama menghadiri Majlis Tahlil berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail; serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di bawah KHEU termasuk para pemimpin dan tenaga pengajar sekolah-sekolah Arab dan ugama.

Adapun pendidikan ugama secara formal mula dilaksanakan pada 16 September 1956.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil.

# Demensia kedudukan ke-7 kematian di seluruh dunia



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam Perutusan sempena Sambutan Bulan Alzheimer's Sedunia.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 16 September. - Demensia adalah sejenis penyakit yang mempengaruhi fungsi kognitif otak yang boleh menjejaskan ingatan, pemikiran, tingkah laku dan perasaan.

Demensia juga adalah penyebab utama berlakunya kelainan upaya (*differently-abled*) dan kebergantungan dalam kalangan orang tua.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kes Demensia yang baru dikenal pasti dalam kalangan warga emas berlaku setiap tiga saat di seluruh dunia dan dianggarkan seramai 55 juta orang di seluruh dunia hidup dengan Demensia.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam Perutusan sempena Sambutan Bulan Alzheimer's Sedunia pada 1 hingga 30 September 2022 dengan tema 'Kenali Demensia, Kenali Alzheimer's'.

Menurut Yang Berhormat, dengan peningkatan kadar jumlah populasi warga emas di setiap negara, anggaran berkenaan dijangka akan meningkat kepada 78 juta orang pada tahun 2030 dan 139 juta orang pada tahun 2050.

Penyakit Demensia tambah Yang Berhormat, juga kini adalah merupakan punca utama kematian ke-7 di seluruh dunia. Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kajian Lancet publication analysis of Global Burden of Disease study 2019 telah menganggarkan terdapat sebanyak 1,574 kes di NBD dan ini dijangka akan meningkat sebanyak 365 peratus kepada 7,317 menjelang 2050.

"Terdapat pelbagai jenis demensia yang mana penyakit Alzheimer's adalah jenis yang paling lazim dan menyumbangkan kepada 60 hingga 70 peratus kes-kes Demensia.

"Di NBD, disebabkan terdapat kadar pelbagai Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) yang tinggi, Demensia jenis vaskular juga lazim didapati dalam kalangan warga emas," kata Yang Berhormat.

Penyakit demensia ini tambah Yang Berhormat, bukanlah merupakan akibat proses penuaan yang normal, ia adalah penyakit yang menjejaskan ingatan, pemikiran, tingkah laku dan emosi individu tersebut.

Pelbagai gejala penyakit Demensia ujar Yang Berhormat, termasuk hilang ingatan serta pemikiran, kesukaran mencari perkataan yang betul atau memahami apa yang dikatakan, kesukaran melaksanakan tugas rutin harian, atau perubahan personaliti dan perasaan.

"Akhirnya, mereka yang terjejas tidak akan dapat menjaga diri sendiri dan memerlukan bantuan dalam semua aspek kehidupan mereka.

"Demensia mempunyai kesan fizikal, psikologi, sosial dan ekonomi, bukan sahaja untuk penghidap Demensia, tetapi juga untuk penjaga, keluarga dan masyarakat secara keseluruhannya.

"Selalunya terdapat kekurangan kesedaran dan pemahaman tentang Demensia, mengakibatkan stigma dan halangan kepada diagnosis dan penjagaan," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata pandemik COVID-19 juga telah memberi kesan yang ketara kepada semua lapisan masyarakat terutamanya kepada penghidap Demensia yang mengalami risiko yang lebih tinggi untuk memerlukan rawatan di hospital, mengalami penyakit yang lebih parah dan risiko meninggal dunia daripada jangkitan COVID-19 berbanding dengan pesakit yang tidak mengalami Demensia.

Jangkitan COVID-19 kata Yang Berhormat, juga dikaitkan dengan gangguan kognitif jangka panjang dan Demensia dalam kalangan warga emas.

Perkara ini terang Yang Berhormat diburukkan lagi oleh sekatan dan pengasingan daripada orang lain yang merupakan antara risiko menghidap penyakit Demensia.

Yang Berhormat juga mengongsikan pada setiap bulan September, Bulan Alzheimer's Sedunia diperingati dan tidak terkecuali juga di NBD.

Tema bagi Sambutan Bulan Alzheimer's Sedunia pada tahun ini kata Yang Berhormat kekal sama seperti tahun lepas, iaitu 'Kenali Demensia, Kenali Alzheimer'.

Tema ini ujar Yang Berhormat bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai, khususnya mengenai pelbagai tanda amaran Demensia dan pentingnya diagnosis tepat pada masanya kerana dengan mengetahui pelbagai tanda amaran tersebut boleh memperkasa orang ramai untuk lebih bersedia mengurus atau menjaga seseorang yang menghidap penyakit Demensia.

Dalam pada itu ujar Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Demensia Brunei, sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah merancang pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang penyakit Demensia.

Di NBD tegas Yang Berhormat, terdapat kadar NCD yang tinggi, terutamanya tekanan darah tinggi, diabetes, penyakit jantung, strok dan kegagalan buah pinggang yang merupakan faktor risiko bagi Demensia.

Bagi mereka yang mempunyai penyakit tidak berjangkit yang tidak terkawal tambah Yang Berhormat, risiko menghidap Demensia adalah lebih tinggi berbanding mereka yang boleh mengawal penyakit tidak berjangkit dengan baik.

Antara pelbagai usaha yang dapat dilakukan bagi menangani penyakit Demensia terang Yang Berhormat adalah seperti mengetahui tentang gejala dan faktor risiko Demensia, iaitu bagi mereka yang mempunyai penyakit tidak berjangkit yang merupakan faktor risiko Demensia, mereka disarankan untuk patuh menghadiri perjanjian pemeriksaan doktor seperti yang dijadualkan.

Mereka juga kata Yang Berhormat boleh mendapatkan perjanjian untuk saringan atau pemeriksaan kesihatan di Pusat-pusat Kesihatan terdekat mengikut tadahan masing-masing.

Yang Berhormat juga turut mengingatkan kepada orang ramai adalah dinasihatkan untuk meningkatkan pelbagai aktiviti fizikal seharian sekurang-kurangnya 30 minit selama lima hari seminggu dan melakukan aktiviti yang merangsang kesihatan mental dan mempertingkatkan interaksi sosial bersama ahli keluarga dan rakan-rakan.

"Ini akan membantu mengurangkan risiko daripada menghidap penyakit Demensia dan melambatkan perkembangan Demensia.

"Melibatkan diri, ahli keluarga dan rakan-rakan untuk mengetahui tentang penyakit Demensia dengan mendapatkan pelbagai maklumat dan nasihat daripada pelbagai sumber yang sahih, membarigakan tentang penyakit demensia dan memberikan sokongan bagi mereka yang menghidap penyakit Demensia atau terdapat ahli keluarga atau kenalan yang menghidap penyakit Demensia," ujar Yang Berhormat lagi

Dalam menangani isu Demensia jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah menyediakan dan akan sentiasa meneliti keperluan sistem kesihatan dan prasarana yang mudah diakses dan saksama serta berkualiti tinggi kepada seluruh penduduk NBD dalam memastikan semua individu akan dapat memanfaatkan perkhidmatan yang diberikan.

Kementerian Kesihatan terang Yang Berhormat juga bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di seluruh negara; dan NGO, seperti Demensia Brunei untuk meningkatkan kesedaran tentang Demensia dan melaksanakan intervensi dan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan Demensia.

Yang Berhormat seterusnya berkata pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga akan memastikan para penjaga kesihatan dan sukarelawan dapat dilatih dengan secukupnya hingga mereka dapat memberikan nasihat dan perkhidmatan penjagaan yang relevan bagi semua individu yang menghidap penyakit Demensia dan ahli keluarga / penjaga mereka.

"Akhir kata, saya ingin mengulangi komitmen Kementerian Kesihatan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, terutama sekali dalam memastikan pencapaian kualiti kehidupan yang tinggi bagi semua lapisan rakyat dan penduduk di NBD.

"Bersama kita boleh membuat perubahan untuk menangani dan membarigakan penyakit Demensia," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

# BERSAMA MEMAJUKAN USAHA PEMBANGUNAN SEKTOR TENAGA ASEAN



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku Outgoing Chair pada AMEM Ke-40 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang berlangsung secara dalam talian.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 September. - Usaha kolektif berterusan ASEAN dalam memajukan sektor tenaga adalah penting, termasuk inisiatif-inisiatif yang diterajui oleh Negara Brunei Darussalam semasa menjadi pengerusi bagi Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN (AMEM) Ke-39 pada tahun 2021.

Salah satu pencapaian utama tersebut adalah pengesahan Deklarasi Bersama Bandar Seri Begawan Menteri-menteri ASEAN bagi Mesyuarat Tenaga mengenai Keselamatan Tenaga dan Peralihan Tenaga.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan perkara itu semasa menyampaikan ucapan selaku Outgoing Chair pada AMEM Ke-40 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang berlangsung secara dalam talian.

Menurut Yang Berhormat, deklarasi berkenaan menekankan pentingnya untuk memastikan jaminan tenaga dan mempercepat peralihan tenaga serta pentingnya kerjasama sektoral untuk sama-sama memajukan usaha pembangunan Komuniti ASEAN, khususnya Komuniti Ekonomi ASEAN.

Mesyuarat yang telah diadakan bermula 13 hingga 16 September 2022 tersebut dihadiri Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan Ketua Delegasi dari rakan-rakan dialog serta organisasi-organisasi antarabangsa.

AMEM Ke-40 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen, pada 15 September 2022.

Mesyuarat bertemakan 'Mempercepatkan Peralihan Tenaga : Pemulihan Ekonomi dan Pertumbuhan Mapan' atau 'Accelerating Energy Transition: Economic Recovery and Sustainable Growth' itu dipengerusikan Menteri Perlombongan dan Tenaga Kerajaan Kemboja, Tuan Yang Terutama Suy Sem.

Antara perkara yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut ialah perkembangan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di bawah Pelan Tindakan Kerjasama Tenaga ASEAN Fasa Kedua Tahun 2021 - 2025, termasuk bidang-bidang program yang berkaitan iaitu Grid Kuasa ASEAN, Saluran Paip Gas Trans-ASEAN, Teknologi Arang Batu dan Arang Batu Bersih, Kecekapan dan Pemuliharaan Tenaga; Tenaga yang Boleh Diperbaharui, Dasar dan Perancangan Tenaga Serantau; serta Tenaga Nuklear.

Aktiviti-aktiviti berkenaan dihasrat akan menyumbang kepada merealisasikan matlamat Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Visi ASEAN 2025.

Acara sampingan AMEM Ke-40 juga menyaksikan acara pelancaran bagi dua dokumen yang telah diterbitkan iaitu 7th ASEAN Energy Outlook (AEO7); dan 2nd ASEAN Renewable Energy Outlook.

Turut diadakan, pengesahan tiga Kenyataan Bersama iaitu Kenyataan Bersama Menteri bagi Menteri-menteri ASEAN mengenai Mesyuarat Tenaga Ke-40, Kenyataan Bersama Menteri bagi Menteri-menteri ASEAN mengenai Menteri Tenaga +3 ke-19; dan Kenyataan Bersama Menteri bagi Mesyuarat Kemuncak Menteri-menteri Tenaga Asia Timur ke-16.

Mesyuarat-mesyuarat berkaitan AMEM Ke-40 yang berlangsung pada 15 dan 16 September 2022 adalah Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN +3 Ke-19, Mesyuarat Kemuncak Asia Timur Menteri-menteri Tenaga ASEAN Ke-16; Sesi Dialog di antara Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan Agensi Tenaga Boleh Diperbaharui Antarabangsa (IRENA) Ke-6; juga Sesi Dialog di antara Menteri-menteri Tenaga ASEAN dan Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) Ke-8.

Selain itu, acara sampingan termasuk Forum Tenaga Asia Timur Ke-5 dan Forum Peniagaan Tenaga ASEAN 2022.

# Tingkatkan kesedaran mengenai bau mulut



**PASUKAN kempen kesedaran bau mulut menghadiahkan barangan dagangan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sambutan Hari Pertolongan Cemas Sedunia.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**TUNGKU**, Rabu, 14 September. - Nafas berbau (*halitosis*) adalah penyebab ketiga yang paling lazimnya dirujuk ke klinik pergigian diikuti dengan karies gigi dan penyakit periodontal.

Sehubungan dengan itu, Kempen bertajuk 'Bad Breath Awareness Campaign' telah dikendalikan oleh sekumpulan lima pelajar pergigian dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), di bawah seliaan Dr. Jagjit Singh Dhaliwal, Dr. Joe Knights dan Dr. Haji Amirul Rizan bin Haji Mohammed.

Projek ini bertujuan untuk mendidik orang ramai tentang bau mulut dan mengurangkan stigma yang menyelubungi subjek ini.

Sebagai sebahagian daripada kempen kesedaran itu, pasukan itu menyediakan booth pada Sambutan Hari Pertolongan Cemas Sedunia yang dianjurkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam dan Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam.

Majlis tersebut telah berlangsung pada 10 September 2022 di BIBD Connects Taman Mahkota Jubli Emas.

Para tetamu diberi taklimat tentang punca, kesan dan pengurusan nafas berbau.

Memandangkan para remaja berada pada satu tempoh masa dalam kehidupan mereka di mana mereka beralih ke alam dewasa, mereka akan lebih mementingkan keterampilan mereka.

Justeru, salah satu matlamat projek ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang bau mulut di kalangan pelajar pra-universiti dan universiti.

Lawatan dan pameran turut dijalankan di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Pusat Tingkatan Enam Tutong, Pusat Tingkatan Enam Belait, dan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD.

Kempen itu turut dijalankan menerusi segmen radio, Bandarku Ceria dan platform media sosial.

# 4 kes berada dalam Kategori 4

**Oleh : Srinarawie Bidzah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 September. - Sebanyak 200 kes telah disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam menjadi 222,340.

Sementara itu, tidak ada kes sedang berada dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Manakala, sebanyak empat kes sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Menurut infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, bagi Program Vaksinasi setakat 15 September 2022, sebanyak 84.6 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun telah menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.2 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Manakala, sebanyak 78.3 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan sebanyak 10.2 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

# COVID-19 : Tidak ada kes Kategori 5

**Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 14 September. - Sebanyak 177 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 222,140.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak tiga kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi dan tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Bagi Program Vaksinasi setakat 14 September 2022, sebanyak 84.6 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.1 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.3 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.1 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

# SISWAZAH, KAKITANGAN UTB CEMERLANG DIRAIKAN



YANG Berhormat Menteri Pendidikan bergambar ramai pada Majlis Anugerah Cemerlang Universiti Teknologi Brunei (UTB) 2022 sempena Majlis Konvokesyen UTB 2022 yang berlangsung di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**>> Muka 1**

"Anugerah Cemerlang bagi Kakitangan adalah anjuran UTB kali yang ke-7, di mana ia bertujuan untuk memberi ganjaran kepada kakitangan cemerlang, yang memberi impak positif kepada kejayaan universiti dalam mencapai matlamat strateginya.

Sukacita saya mengongsikan sedikit latar belakang mengenai Anugerah Cemerlang Kakitangan, di mana pemarkahan 90 peratus ke atas adalah untuk tahap kecemerlangan dan 80-89 peratus untuk 'Special Mention' dan kriterianya adalah ketat," tambahnya.

Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah seterusnya menerangkan, UTB telah menerima sebanyak 34 pencalonan dan hanya 10 kakitangan sahaja akan menerima anugerah.

"Sukacita juga dimaklumkan pada majlis kali ini, 105 anugerah akan disampaikan iaitu 54 Anugerah Cemerlang bagi Siswazah, 43 Anugerah Senarai Dekan bagi Pelajar, lima Anugerah Ko-Kurikular bagi Siswazah dan tiga Anugerah projek Tahun Akhir bagi Siswazah daripada pilihan Orang Ramai akan disampaikan.

Anugerah kecemerlangan ini khas untuk mereka yang menunjukkan kecemerlangan akademik dalam program, ko-kurikular serta bagaimana berkomunikasi dengan komuniti UTB dan orang ramai mengenai projek mereka," jelasnya.

Terdahulu, Naib Canselor UTB berharap pengiktirafan dari UTB berkenaan akan memotivasikan mereka lebih jauh dan akan memberi inspirasi kepada orang lain untuk mengikutinya.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat dijemput untuk menyampaikan anugerah kepada penerima Anugerah Staf Cemerlang (Staff Excellence Awards - SEA) dalam Pengajaran, Penyelidikan, Pentadbiran untuk Tenaga Akademik dan Bukan Akademik serta Penghargaan Khas.

Seramai 10 orang ahli akademik dan kakitangan telah dianugerahkan atas perkhidmatan cemerlang mereka kepada universiti pada tahun ini. Para penerima masing-masing dianugerahkan plak, sijil pengiktirafan dan hadiah wang tunai BND1,000, manakala penerima Anugerah Sebutan Khas pula menerima sijil penghargaan.

SEA telah diperkenalkan pada tahun 2015, disambut setiap tahun sebagai ganjaran bagi sumbangan cemerlang dan jasa kakitangan akademik dan bukan akademik dalam kejayaan universiti mencapai matlamat strateginya.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan tetamu kehormat menyampaikan Anugerah Graduan Cemerlang dalam pelbagai kategori kepada graduan yang layak dan telah berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang dalam program akademik masing-masing.

Anugerah yang disampaikan di bawah Anugerah Graduan Cemerlang termasuklah Anugerah Universiti Cemerlang, Anugerah Projek Akhir Tahun Terbaik, Anugerah Projek Akhir Tahun Terbaik Petrokon Utama Sendirian Berhad (PUSB); Anugerah Pelajar Terbaik PUSB; Anugerah Pelajar Terbaik (Sarjana) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) 2022; Anugerah Paling Progresif BIBD 2022; Anugerah Pelajar Terbaik SCI Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI); Anugerah Projek Akhir Tahun Terbaik SCI Datastream Digital Sendirian Berhad (DST) 2022; Anugerah Graduan Kejuruteraan Mekanikal Terbaik Institusi Brunei Darussalam (IMechE-Brunei); Anugerah Projek Akhir Tahun Kejuruteraan Mekanikal Terbaik IMechE Brunei; Anugerah Pelajar Berprestij Persatuan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) 2022; Anugerah Persatuan Komputer British (BSC) 2022; Anugerah Penerbitan; dan Anugerah Kertas Penyelidikan Cemerlang.

Penaja Anugerah Graduan Cemerlang ialah Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP); Brunei LNG Sendirian Berhad; McDonald's Brunei; Hengyi Industries Sendirian Berhad; Wood Private Limited Company; Shiham Sendirian Berhad; Jetwires Trading and Electrical Services; TGT Sendirian Berhad; dan lain-lain.

Manakala penaja Anugerah Khas termasuk PUSB, BIBD, IMechE, PUJA, AITI, DST dan BSC.

Acara kemudian diteruskan dengan tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian Anugerah Senarai Dekan, Anugerah Aktiviti Ko-kurikular Pelajar dan Anugerah Pilihan Ramai.

Kira-kira 43 penerima Anugerah Senarai Dekan daripada pelbagai fakulti telah menunjukkan pencapaian akademik yang membanggakan dalam pengajian mereka.

Manakala lima penerima turut dianugerahkan bagi Aktiviti Ko-kurikular Pelajar yang merangkumi Pencapaian Kemahiran Hidup Cemerlang, Anugerah Agama Tertinggi (Lelaki), Anugerah Agama Tertinggi (Perempuan), Sukan Lelaki UTB, dan Sukan Wanita UTB.

Sementara itu, tiga penerima dianugerahkan Anugerah Pilihan Ramai bagi Pameran Projek UTB 2022.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; serta Ahli-ahli Majlis UTB.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

# Pendaftaran membaharui, mengganti Kad Pengenalan mula dibukakan 19 September ini

**Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 14 September. - Merujuk Siaran Akhbar Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bilangan IMM/PPA/PRO/13/Pt2 bertarikh 20 Jun 2022 dan 8 Ogos 2022.

Bermula pada Isnin, 22 Safar 1444H bersamaan 19 September 2022M dan di samping pendaftaran bagi permohonan yang mencapai umur 12 tahun, JIPK akan mula membukakan pendaftaran bagi membaharui Kad Pengenalan yang mansuh dan menggantikan Kad-kad Pengenalan yang rosak atau hilang iaitu khusus bagi Kad Pengenalan Kuning dan Ungu sahaja.

Bagi pendaftaran di Ibu Pejabat, pemohon-pemohon yang telah mencapai umur 12 tahun dan membaharui Kad Pengenalan yang mansuh dan menggantikan bagi Kad Pengenalan yang rosak atau hilang, pemohon bolehlah membuat temu janji melalui Aplikasi QueUP atau secara *walk-in*.

Manakala di Pejabat-pejabat Cawangan adalah secara *walk-in*.

JIPK seterusnya memaklumkan kepada orang ramai khusus bagi yang telah mendaftar Kad Pengenalan berwarna Kuning dalam tempoh 17 Februari 2022 hingga 9 Ogos 2022 dan bagi Kad Pengenalan berwarna Ungu dalam tempoh 12 Julai 2021 hingga 9 Ogos 2022 yang masih belum dikeluarkan Kad Pengenalan masing-masing untuk hadir ke Bahagian Kad Pengenalan bagi pengambilan semula cap-cap jari dan gambar wajah bagi memenuhi keperluan di dalam Sistem Kad Pengenalan yang baharu.

Dalam masa yang sama kaunter-kaunter pendaftaran yang khusus akan disediakan dan mereka adalah dikehendaki untuk membuat temu janji melalui Aplikasi QueUP bagi Pendaftaran di Ibu Pejabat dan secara *walk-in* bagi pendaftaran di Pejabat-pejabat Cawangan.

Borang Pendaftaran boleh dimuat turun melalui laman sesawang JIPK *www.immigration.gov.bn.*

Untuk sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi melalui e-mel *info@immigration.gov.bn* atau talian seperti berikut semasa waktu bekerja melalui aplikasi Whatsapp ke Ibu Pejabat – +673 7299550; Cawangan Kuala Belait +673 7299597; Cawangan Tutong – +673 4221251; dan Cawangan Temburong – +673 7299586.

# KELAYAKAN DIGITAL SERANTAU GIAT DILAKSANAKAN




SESI bergambar ramai pada Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) - Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN BAC).

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 14 September. - Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) - Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN BAC) hari ini membentangkan Platform ASEAN Digital Credentials (ASEAN Digital Credentials Platform) atau AKREDI secara bersemuka.

Selaku Pengerusi ASEAN BAC Brunei dan Kumpulan Kerja Transformasi Digital ASEAN, Dayang Haslina binti Taib berkongsi dan menekankan akan kepentingan menyeragamkan serta berkongsi kelayakan rentas sempadan bagi menyokong integrasi Ekonomi ASEAN.

Ini merupakan inisiatif utama serantau yang digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Digital ASEAN 2025, Pelan Hala Tuju Bandar Seri Begawan 2021 dan Pelan Tindakan Kerangka Integrasi Digital ASEAN (DIFAP) 2019-2025.

Platform Digital AKREDI secara meluas ialah Projek Legasi ASEAN BAC daripada Pimpinan Brunei ASEAN baru-baru ini, dengan Concept Note and Proof of Concept yang diperkenalkan semasa Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2021, yang kemudiannya dikenali sebagai ASEAN Digital Gateway and Travel Wallet.

Pada mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin mewakili AEM Negara Brunei Darussalam menekankan pontensi AKREDI, antara lainnya memudahkan kelancaran pergerakan orang serantau melalui pengesahan kelayakan terutamanya bagi perniagaan, profesional dan pelajar.

Seterusnya, Dayang Haslina terus mengesahkan bahawa kelayakan AKREDI adalah berdasarkan *secure public key encryption* dengan rantaian blok (*blockchain*) dengan menyimpan data setiap negara-negara anggota ASEAN dan privasi data pengguna individu.

Pelan hala tuju masa depan AKREDI dijangka menggabungkan pelbagai kelayakan digital serta penubuhan infrastuktur Gerbang Digital (Digital Gateway) bagi menawarkan lebih banyak perkhidmatan digital di rantau ini.

Bukti kelayakan dan perkidmatan ini boleh sama ada pada *consortium* serantau AKREDI yang dikongsi atau *consortium decentralized* khusus bagi setiap negara-negara anggota.

AKREDI dibina untuk ASEAN dan Brunei sebagai kerjasama antara Dynamik Technologies dan TrustGrid Pty Ltd. yang diketuai oleh Dayang Haslina selaku Ketua Pegawai Eksekutif.

Dynamik Technologies ialah penyedia perundingan dan penyelesaian transformasi digital terbesar di negara ini, ia juga mengembangkan tawaran dan mempunyai rangkaian perkongsian di Asia Tenggara.

"Platform global kami membolehkan transaksi berasaskan identiti. TrustGrid menyokong transformasi kerajaan digital yang merangkumi lesen, akreditasi, rekod kesihatan dan sebarang bukti kelayakan lain dengan tahap keselamatan dan privasi yang terjamin," ujar Ketua Pegawai Eksekutif TrustGrid™, Santosh Devaraj.

Keluaran pertama AKREDI akan disediakan pada bulan November ini, bermula dengan sijil vaksinasi COVID-19 yang mematuhi EUDCC.

Maklumat lanjut boleh diperoleh di *www.akredicredentials.com* atau hubungi *enquire@akredicredentials.com*.

# 24 pemenang bertuah bawa pulang hadiah menarik

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**GADONG**, Jumaat, 16 September. - Dalam usaha berterusan bagi mencerminkan perpaduan masyarakat dalam pemulihan bersama dan mencegah penularan pandemik COVID-19 di negara ini, Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Progresif Sdn. Bhd. dengan melancarkan dua Kempen Cabutan Bertuah pada bulan Februari dan April 2022 lalu.

Kempen tersebut adalah bagi menggalakkan orang ramai mendapatkan vaksinasi penggalak (*booster*) mereka setelah mencapai 70 peratus daripada penduduk negara serta vaksinasi bagi kanak-kanak berumur antara 5 hingga 11 tahun.




TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang hadiah utama Kempen Dos Penggalak.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pemenang-pemenang Cabutan Bertuah bagi Kempen Vaksinasi Dos Penggalak dan Kanak-kanak berlangsung hari ini di Ibu Pejabat Progresif, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang hadiah utama Kempen Dos Penggalak ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui.

Empat pemenang hadiah utama dipilih daripada setiap daerah bagi Kempen Dos Penggalak tersebut iaitu Awang Haji Morni bin Awang Damit dari Daerah Brunei dan Muara, Dayang Siti Hanisah binti Zulkopali dari Daerah Tutong, Dayang Noradeewati binti Amat dari Daerah Temburong dan Kumarasamy Raja Kumarasamy Alagumuthu dari Daerah Belait, masing-masing menerima hadiah berupa telefon pintar jenama Vivo Y76 dengan talian MORE6 percuma selama enam bulan tanpa kontrak.

Di samping itu, sebagai penghargaan kepada mereka yang telah mendapatkan dos penggalak dan membantu melindungi masyarakat, seramai 10 pemenang bertuah juga menerima hadiah berupa 'Starter Pack' Prabayar Progresif dan barangan Progresif yang lainnya dan disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar.

Kesemua pemenang dalam Kempen Dos Penggalak dipilih melalui cabutan daripada sejumlah 315,485 orang yang telah mendapatkan vaksin penggalak mereka di seluruh negara.

Majlis tersebut juga menyaksikan penyampaian hadiah kepada pemenang vaksinasi kanak-kanak terdiri daripada Dayangku Nurizatul Ajeelah binti Pengiran Kamal Ariffin dari Daerah Brunei dan Muara, Dayang Noor Atikah Amalina binti Daud dari Daerah Tutong, Dayang Afina Arissa Nurthahirah binti Mohammad Hanafi dari Daerah Temburong dan Dayang Zaheen Nur Zahira binti Haji Md. Harmaini dari Daerah Belait, disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Datastream, Cheng Siok Tuan.

Para pemenang menerima Samsung Tab A7 Lite LTE dengan MORE6 tanpa kontrak percuma selama enam bulan. Manakala 10 lagi pemenang menerima hadiah 'Starter Pack' Progresif BND10 dan produk Progresif.

Pemenang - pemenang berkenaan dipilih daripada sejumlah 36,381 kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun yang telah mendapatkan vaksinasi mereka di seluruh daerah.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah dalam ucapannya antara lain mengucapkan tahniah kepada para pemenang termasuk para petugas barisan hadapan, khususnya dari Kementerian Kesihatan, atas dedikasi dan jasa mereka dalam mencegah penularan COVID-19 ketika negara bergerak menuju Fasa 'Pulih Bersama'.

Kempen vaksinasi tersebut merupakan usaha bersama antara Progresif dan Integrated Communications Sdn. Bhd. (INCOMM) bagi mendukung Kementerian Kesihatan.

# BERSAMA MEMBANTERAS KEGIATAN DADAH HARAM




**AHLI-ahli forum terdiri daripada ilmuwan anak jati Daerah Temburong iaitu Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba dan Awang Haji Mail bin Besar.**



**PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Forum Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2022 (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**



**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**TEMBURONG,** Rabu, 14 September. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak terkecuali merasakan impak daripada cengkaman dadah haram yang dihadapi oleh seluruh dunia namun di negara ini, situasi dadah masih dalam keadaan yang terkawal.

Sehubungan itu, Majlis Forum Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2022 berlangsung hari ini di Dewan Kemasyarakatan Bokok, Daerah Temburong yang bertemakan 'Cegah Bersama Negara Bahagia'.

Melalui tema tersebut, semua golongan masyarakat di NBD akan dapat sama-sama bertanggungjawab dalam membanteras dan mencegah kegiatan dadah di negara ini.

Majlis Forum tersebut merupakan program yang melibatkan kerjasama di antara Biro Kawalan Narkotik (BKN) bersama Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Pusat Da'wah Islamiah Cawangan Daerah Temburong.

Tajuk forum yang dibincangkan ialah 'Cegah Bersama Negara Bahagia Menurut Perspektif Melayu Islam Beraja'.

Tajuk ini dipilih berdasarkan daripada kes-kes yang meningkat. Dalam masa yang sama, ia bertujuan untuk membuka minda masyarakat untuk membincangkan dalam melaksanakan tanggungjawab menurut perspektif falsafah Melayu Islam Beraja.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Ahli-ahli forum terdiri daripada ilmuwan anak jati Daerah Temburong iaitu Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba dan Awang Haji Mail bin Besar.

Sambutan Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2022 ini akan disemarakkan lagi di sepanjang tahun dengan melaratkan beberapa aktiviti ke setiap daerah di negara ini.

## Bantu masyarakat dalami teori, asas Fardu Ain



**PROGRAM 'Ilm Series diserikan dengan penyampaian ceramah oleh penceramah jemputan (atas), manakala gambar bawah, antara yang menghadiri program berkenaan.**

**Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin**

**BERAKAS**, Jumaat, 16 September. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia hari ini menganjurkan Program 'Ilm Series bertajuk 'Memahami Jenis-jenis Darah Wanita' yang berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Program berkenaan bertujuan untuk memperkenalkan dan membantu masyarakat awam mendalami teori dan memperkasa pelbagai asas Fardu Ain yang menjadi kewajiban seharian seorang Muslim termasuk merungkai permasalahan berkaitan hadas besar wanita seperti darah haid, *istihadhah* dan nifas.

Selain itu, ia memberi manfaat bukan sahaja kepada kaum wanita malahan juga kaum lelaki selaku suami dan bapa yang berperanan bagi memastikan isteri dan anak-anak perempuan mereka mendapat pengetahuan secukupnya mengenai ilmu agama.

Di samping itu, program berkenaan juga bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan Ahli-ahli Jawatankuasa Belia Da'ie, selain memberikan galakan dan bersedia ke hadapan dalam membantu masyarakat awam yang memerlukan panduan serta jawapan bagi menjawab sebarang kemusykilan mengenai pengetahuan agama termasuk berkaitan dengan wanita.

Ceramah disampaikan oleh Timbalan Dekan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Rajid, selaku penceramah jemputan.

Beliau antara lain menekankan mengenai pentingnya masyarakat mengetahui perbezaan pelbagai jenis darah wanita kerana ia dapat memberi kesan terhadap kesahan dan hukum hakam amal ibadat seharian.

Di samping itu, ceramah juga turut diisikan dengan pengertian, ciri, cara, perbezaan dan perkiraan hari berkenaan hadas besar wanita termasuk haid, *istihadhah* dan nifas, serta hukum hakam mengenainya.

Program diikuti dengan sesi soal jawab daripada para peserta.

Seramai 150 orang menghadiri program berkenaan yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan PDI, Ahli-ahli Jawatankuasa Belia Da'ie serta orang awam.



## Pengemaskinian penggunaan Jambatan SHOAS

**Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Pembangunan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 14 September. - Jawatankuasa Pengurusan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Kementerian Pembangunan serta berpandukan kepada Kenyataan Akhbar bertarikh 5 Muharam 1444H bersamaan dengan 3 Ogos 2022 ingin memaklumkan mengenai pengemaskinian penggunaan Jambatan SHOAS.

Menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan hari ini, kebenaran penggunaan Jambatan SHOAS diberikan kepada semua kenderaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dalam kesemua Kelas I, II, III, IV, V, VI, VII dan XII.

Bagi kenderaan pendaftaran asing sama ada persendirian atau komersial dalam kelas sebanding Brunei iaitu Kelas I, III, IV, VI dan XII sahaja dibenarkan untuk melalui jambatan berkenaan.

Manakala, bagi kenderaan komersial pendaftaran asing dalam kelas sebanding dengan kelas II dan V yang mempunyai keberatan melebihi 3,500 kg adalah tidak dibenarkan untuk menggunakan Jambatan SHOAS dan dinasihatkan untuk menggunakan jalan yang dibenarkan iaitu ASEAN Highway 150 ataupun AH150 (melalui Limbang) yang selazimnya digunakan pada masa ini.

Para pengguna hendaklah mematuhi had kelajuan 100 km/jam bagi kenderaan biasa manakala had kelajuan bagi kenderaan komersial adalah 80 km/jam.

Kerjasama orang ramai adalah sangat diharapkan demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan kesemua pengguna jalan raya semasa menggunakan Jambatan SHOAS.

Sebarang perubahan penggunaan Jambatan SHOAS akan dimaklumkan melalui Sidang Media dari masa ke semasa.

Sebarang pertanyaan orang ramai bolehlah menghubungi Talian Darussalam 123 atau pihak 'Brunei Bridge Authority' melalui e-mel : *pro@pwd.gov*.

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# TAKLIMAT BARIGA MAKLUMAT PENTADBIRAN KEAGAMAAN



**SEKITAR Taklimat Kefahaman Bahagian-bahagian dan Unit-unit di bawah Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong kepada penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung.**

**Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**TUTONG**, Rabu, 14 September. - Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong dengan kerjasama Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Unit, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong mengadakan Taklimat Kefahaman Bahagian-bahagian dan Unit-unit di bawah Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong kepada penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung.

Taklimat berkenaan diadakan selama dua hari bermula Selasa, 13 September 2022 dan Rabu, 14 September 2022 yang berlangsung di Dewan Utama Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Taklimat dimulakan dengan bacaan Saiyyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Seramai 28 peserta yang terdiri dalam kalangan penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung menyertai taklimat berkenaan.

Objektif taklimat tersebut adalah untuk memberikan kefahaman serta memperkasa penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta pemangku ketua-ketua kampung dengan maklumat yang berkaitan dengan pentadbiran keagamaan.

Dengan maklumat yang tepat ini akan lebih memberikan keyakinan kepada mereka dalam memberikan perkhidmatan kepada anak-anak buah kampung.

Di samping itu juga, ia adalah untuk membekalkan penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung serta masyarakat amnya dengan akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran Islam.

Pada sebelah pagi hari pertama, taklimat-taklimat disampaikan oleh Pemangku Ketua Bahagian Masjid Daerah Tutong, Awang Nor Affindy bin Norsabah dan juga Ketua Bahagian Pengajian Islam Daerah Tutong, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Syawal.

Manakala pada sebelah petang pula, taklimat disampaikan oleh Ketua Bahagian Da'wah Daerah Tutong, Awang Mohammad Yusri bin Haji Abdul Majid diikuti oleh Pemangku Ketua Bahagian Agihan dan Kutipan Zakat Daerah Tutong, Awang Haji Mohd Awalludin bin Haji Zaini.

Manakala pada hari kedua, sebelah pagi, taklimat diteruskan dengan Ketua Unit Penguatkuasaan Ugama Daerah Tutong, Pengiran Muhd Muhaimin bin Pengiran Haji Sulaiman dan juga wakil daripada Unit Kawalan Makanan Halal Daerah Tutong.

Pada sebelah petang pula, taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Khidmat Nasihat Keluarga Daerah Tutong, Awang Haji Abdullah Amer bin Haji Abdul Hamid seterusnya diikuti oleh Ketua Unit Tanah-Tanah Perkuburan Islam Daerah Tutong, Awang Mohamed Harun bin Awang Adi @Yussof.

Taklimat pada kedua-dua hari telah ditutup dengan sesi soal jawab yang dikemukakan oleh penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan juga pemangku-pemangku ketua kampung.

# Percubaan rangkaian mudah alih 5G bermula

**Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 16 September. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) bekerjasama dengan Unified National Network Sendirian Berhad (UNN), anak syarikat milik penuh Darussalam Assets Sdn. Bhd. (DA), dengan kerjasama penyedia telekomunikasi dalam Kumpulan DA iaitu Datastream Digital Sdn. Bhd.,Imagine Sdn. Bhd. dan Progresif Sdn. Bhd. akan menjalankan percubaan Rangkaian Mudah Alih Generasi Ke-5 (5G) untuk pelanggan mudah alih dalam tempoh sehingga lapan minggu.

Percubaan ini dijalankan sebelum pelancaran perkhidmatan 5G di negara ini yang akan dijadual dalam beberapa bulan akan datang, menggunakan spektrum frekuensi radio baharu dan tersedia untuk menyediakan jalur lebar berkapasiti tinggi di semua kawasan trafik internet yang tinggi.

Kelajuan akan dijangkakan boleh mencapai antara 300 Mbit/s sehingga 1 Gbit/s, bergantung pada kapasiti dan bilangan pengguna dalam tapak sel tertentu.

Objektif percubaan 5G adalah untuk membolehkan pihak UNN dan penyedia perkhidmatan menerima dan menilai maklum balas daripada peserta percubaan, yang akan membantu memudahkan rangkaian hujung ke hujung dan pengoptimuman proses untuk mencapai pelancaran yang memuaskan dan berjaya dalam masa terdekat.

Setiap pembekal perkhidmatan akan memilih sehingga 100 pelanggan yang memenuhi kriteria pemilihan khusus untuk menjadi peserta percubaan, yang akan dikehendaki memberikan maklum balas secara aktif tentang pengalaman dan rangkaian prestasi.

Pelanggan berminat yang ingin menyertai percubaan itu dikehendaki menggunakan pelan pascabayar sedia ada dengan mana-mana tiga penyedia perkhidmatan dan memiliki telefon mudah alih atau peranti yang serasi dengan 5G.

Pelanggan mempunyai kriteria boleh menghubungi penyedia perkhidmatan masing-masing untuk menyertai percubaan 5G atas dasar 'siapa cepat dia dapat'.

Pada April 2021, Negara Brunei Darussalam (NBD), melancarkan Projek Rintis 5G, seperti yang ditugaskan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan dipelopori oleh AITI dengan penempatan stesen pangkalan 5G oleh UNN di lokasi terpilih.

Projek Rintis 5G bermatlamat untuk menunjukkan persekitaran rangkaian 5G Proof-of-Concept, mempromosikan komunikasi mudah alih 5G berkelajuan tinggi dan menjana kesedaran dalam mempercepatkan lagi pengambilan 5G di NBD.

UNN berada di peringkat akhir untuk melengkapkan pemodenan penuh seluruh infrastrukturnya untuk menjadi 5G-ready.

Pemodenan melalui pengembangan Rangkaian Akses Radio (RAN) dan peningkatan rangkaian jalur lebar akan meningkatkan kapasiti untuk mengurus trafik dan *volume data* serta meningkatkan pelanggan pengalaman di NBD.

Perkhidmatan 5G akan berpotensi untuk meningkatkan produktiviti, meningkatkan pengalaman maya dan mencapai pendigitalan ke arah menjadi Negara Pintar.

# Jumlah eksport NBD meningkat 55.3 peratus

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 September. - Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa mengukur perubahan tahap nilai unit dan volum barangan eksport dan import antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rakan perdagangan di seluruh dunia dan dapat membantu penggubal dasar bagi menilai pelbagai faktor yang menyumbang kepada prestasi perdagangan negara.

Pada suku tahun pertama 2022, jumlah eksport meningkat sebanyak 55.3 peratus berbanding suku pertama tahun sebelumnya, iaitu daripada BND2,825.9 juta pada suku tahun pertama 2021 kepada BND4,388.2 juta pada suku pertama tahun ini.

Peningkatan berkenaan adalah disebabkan oleh kenaikan indeks nilai unit eksport sebanyak 59.7 peratus, yang terutamanya disumbangkan oleh peningkatan indeks minuman (+82.1 peratus), bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan (+68.9 peratus) dan bahan api galian (+61.8 peratus).

Kenaikan harga pelbagai produk berkenaan di pasaran dunia adalah antara faktor utama kepada peningkatan indeks nilai eksport bagi suku pertama tahun 2022.

Sementara itu, indeks volum eksport pula mencatatkan penurunan sebanyak 5.8 peratus berbanding suku tahun pertama 2021 yang disumbangkan oleh penurunan indeks volum eksport bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan seperti baja mentah (-24.0 peratus), minuman (-12.8 peratus) dan bahan api galian (-6.3 peratus).

Penurunan indeks berkenaan menunjukkan penurunan jumlah kuantiti barang-barang yang dieksport ke luar negara.

Jumlah nilai import pada suku tahun pertama 2022 meningkat sebanyak 29.5 peratus berbanding suku pertama tahun 2021 yang disebabkan oleh kenaikan indeks nilai unit import sebanyak 3.2 peratus.

Peningkatan indeks nilai import berkenaan adalah terutamanya disumbangkan oleh indeks bahan api galian (+51.6 peratus), minyak dan lemak binatang serta sayur-sayuran (+28.1 peratus) dan bahan-bahan kimia (+20.8 peratus), yang menunjukkan adanya kenaikan harga bagi barangan tersebut di negara-negara pembekal.

Indeks volum import menurun sebanyak 7.8 peratus pada suku tahun pertama 2022.

Penurunan berkenaan adalah terutamanya disebabkan oleh volum import yang rendah bagi barang-barang keluaran kilang (-33.8 peratus), minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran (-15.4 peratus) dan pelbagai barang keluaran kilang (-6.5 peratus).

Terma perdagangan bagi negara telah mencatatkan peningkatan sebanyak 54.8 peratus pada suku tahun pertama 2022 berbanding suku pertama tahun sebelumnya, terutamanya didorong oleh pertumbuhan indeks minuman sebanyak 99.4 peratus.

Pertumbuhan terma perdagangan tersebut mencerminkan bahawa nilai unit barangan eksport negara adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai unit barangan import. Terma perdagangan adalah ukuran kuasa beli eksport dan import NBD ke luar negara dan dari luar negara.

Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa (IMTI) menunjukkan trend nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di NBD dalam tempoh tertentu.

Indeks tersebut juga boleh digunakan dalam menganalisa daya saing negara, mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara.

Laporan penuh Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi suku tahun pertama 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: *https://deps.mofe.gov.bn.*



# IHP JUN 2022 MENINGKAT 0.8 PERATUS

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 14 September. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Jun 2022, meningkat sebanyak 0.8 peratus bulan ke-bulan berbanding dengan bulan Mei 2022.

Ini adalah disebabkan oleh peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan Indeks Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.5 peratus dan 0.8 peratus.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, berbanding dengan bulan Jun 2021, IHP meningkat sebanyak 3.9 peratus, di mana peningkatan IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan; dan Bukan Makanan masing-masing sebanyak 5.8 peratus dan 3.5 peratus.

Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti minyak dan lemak 23.7 peratus; daging 12.4 peratus; dan ikan dan makanan laut 7.3 peratus.

Peningkatan harga minyak dan lemak adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak masak daripada negara-negara pembekal.

Kenaikan harga daging ayam adalah penyumbang utama kepada peningkatan harga daging disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam.

Manakala, peningkatan harga ikan dan makanan laut adalah disebabkan oleh peningkatan kos operasi bagi pembekal dan kos perkhidmatan penghantaran.

Peningkatan dalam komponen Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 14.0 peratus; Pengangkutan 5.3 peratus; dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain 2.3 peratus.

Sementara, kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan pula adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga insurans kenderaan.

Manakala, peningkatan dalam Pengangkutan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan.

Kenaikan kos penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman; dan harga sewa kediaman, telah mendorong kepada peningkatan harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Jun 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES : *https://deps.mofe.gov.bn.*




# Majlis Khatam Al-Quran imarahkan masjid

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ihsan Masjid Kampung Sungai Besar**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 14 September. - Salah satu ibadah yang paling agung ialah membaca Al-Quran malah ia merupakan amalan yang dicintai Allah.

Membaca Al-Quran juga mempunyai fadilat yang besar dan akan memberi syafaat kepada pembacanya di hari kiamat nanti.

Sehubungan dengan itu, seramai 13 pembaca Al-Quran Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai menyatakan rasa syukur setelah melengkapkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Majlis yang berlangsung di masjid berkenaan, bermula dengan membaca Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim bermula daripada Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang dikepalai oleh Awang Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin yang juga membacakan bacaan takhtim dan Doa Khatam.

Turut menyertai majlis ialah Pemangku Ketua Kampung Sungai Besar, Awang Haji Zaini bin Haji Damit; dan Penasihat Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Selain untuk merebut pahala yang berlipat ganda, majlis berkenaan sekali gus untuk mengimarahkan masjid di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan jemaah di masjid berkenaan.



**SERAMAI 13 pembaca Al-Quran Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sebagai menyatakan rasa syukur setelah melengkapkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.**



# Menjaga silaturahim




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 1 :

**Tafsirnya** : "*Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu daripada diri yang satu (Adam Alaihissalam), Dia (Allah) menciptakan daripada pasangannya (Hawa), Dia (Allah) mengembangbiakkan daripada kedua-duanya (zuriat keturunan) laki-laki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang dengan nama-Nya kamu saling meminta serta (peliharalah) hubungan silaturahim (kaum kerabat). Sesungguhnya Allah adalah Maha Menguasai (Memerhati) kamu*".

Kesempurnaan dan kemantapan iman seseorang itu didukung oleh banyak faktor, bukan setakat beriman dengan Rukun Iman yang enam bahkan hubungan sesama insan juga menjadi kayu pengukurnya. Justeru, agama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga hubungan silaturahim. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "*Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia memuliakan tetamunya dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia menyambung tali silaturahim dan barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah ia berkata baik atau diam*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Silaturahim ialah jalinan ataupun ikutan perhubungan yang dibina secara bersama-sama antara sesama keluarga, kaum kerabat, rakan, jiran tetangga dan seumpamanya.

Adapun mengeratkan silaturahim itu ialah berbuat baik kepada sesama manusia, memberi pertolongan jika mereka memerlukan, bersikap lemah lembut, nasihat-menasihati dan menjaga perasaan mereka. Dalam hal ini, mengeratkan hubungan silaturahim itu adalah perlu diutamakan kepada kaum kerabat ataupun yang ada hubungan kekeluargaan.

Perlu diingat, bahawa mengeratkan hubungan silaturahim sesama saudara itu hukumnya adalah wajib. Manakala memutuskan hubungan silaturahim pula hukumnya adalah haram. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menyatakan bahawa memutuskan silaturahim itu adalah antara sebab kenapa disegerakan azab seseorang itu di dunia sebelum tibanya hari akhirat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Termizi, daripada Abu Bakrah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bermaksud :

"*Tiada ada suatu dosa yang lebih layak dipercepat hukumannya di dunia oleh Allah kepada pelakunya di samping (azab) yang disimpan baginya di akhirat daripada perbuatan zalim dan memutuskan silaturahim*".

Agama kita menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga hubungan silaturahim, kerana akibat memutuskan silaturahim itu amat besar risikonya bukan setakat di dunia sahaja bahkan juga di akhirat kelak. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Jubair bin Mut'im Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "*Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturahim*".

Pada kelazimannya, terputusnya hubungan silaturahim itu berpunca dari pertengkaran ataupun perselisihan yang disebabkan oleh salah faham, harga benda, hutang-piutang, hasutan, fitnah dan seumpamanya.

Hatta perkelahian antara sesama anak atau jiran tetangga pun boleh menyebabkan terputusnya ikatan silaturahim, di mana kedua-dua pihak saling salah-menyalahi antara satu sama lain, lebih-lebih lagi jika kedua-duanya tidak mempunyai kesabaran dan tidak bersikap terbuka serta tidak mahu mengalah untuk memohon maaf sehingga ada yang sanggup melakukan perbuatan syirik untuk menyakiti orang yang dibencinya.

Permusuhan dan pergeseran seperti ini boleh berlaku secara berpanjangan jika tidak ada kesedaran dalam diri kedua-dua pihak atau tidak ada orang lain yang mahu meleraikan atau mendamaikan kedua pihak yang bermusuhan ini.

Perlu diingat, bahawa tanggungjawab untuk membina semula silaturahim yang terputus, bukan sahaja terletak kepada dua pihak yang bermusuhan. Tetapi sanak saudara atau kawan-kawan yang mengetahui tentang perkara ini juga boleh memainkan peranan yang penting selaku orang tengah dalam mendamaikan dan menyambung semula silaturahim yang terputus.

Oleh yang demikian, tanganilah masalah keluarga dengan perasaan rasional dan eratkanlah semula perhubungan yang sudah retak itu dengan rasa kesedaran dan keinsafan, apatah lagi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menyebutkan bahawa orang-orang yang tidak mahu berdamai itu akan ditangguhkan keampunannya oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Dibuka pintu-pintu syurga itu pada hari Isnin dan Khamis. Setiap orang yang tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apa pun akan diampuni, kecuali seseorang yang sedang dalam permusuhan dengan saudaranya. Lalu dikatakan : "Tangguhkanlah kedua-duanya sampai mereka mahu berdamai. Tangguhkanlah kedua-duanya sampai mereka berdamai. Tangguhkanlah kedua-duanya sampai mereka berdamai*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Adalah menjadi kewajiban kita untuk menjaga hubungan silaturahim dengan sebaik-baiknya. Janganlah disebabkan masalah kecil dan remeh-temeh, hubungan silaturahim itu menjadi renggang atau retak.

Dalam menjaga hubungan silaturahim, ada beberapa cara yang boleh kita lakukan antaranya seperti sering memberi dan menjawab salam atau bertegur sapa, menghadiri undangan atau jemputan, menghulurkan bantuan dan pertolongan sama ada dengan tenaga ataupun wang ringgit, kunjung-mengunjungi antara satu sama lain, menziarahi ketika orang sakit dan menghadiri pengebumian jenazah dan seumpamanya.

Pada masa kini, penggunaan media baharu seperi media massa dan media sosial adalah sangat digemari dan menjadi kemudahan untuk berhubung dan berkomunikasi. Penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut bolehlah dimanfaatkan oleh kita semua dengan sebaik-baiknya terutama dalam mengeratkan hubungan silaturahim. Dengan yang demikian, hubungan yang jauh boleh menjadi dekat dan yang renggang menjadi rapat.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda menyatakan bahawa antara hikmah di sebalik menghubungkan silaturahim itu adalah dimurahkan rezeki dan dipanjangkan umur. Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "*Barang siapa yang suka dimurahkan rezekinya dan dipanjangkan usianya maka hendaklah dia menyambungkan kekeluargaan (silaturahim)*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Akhirnya, marilah kita bersama-sama berusaha dalam menjaga dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim. Jika berlaku perselisihan, maka sebaiknya kita berusahala untuk mencari jalan penyelesaian dan jalan perdamaian kerana semua orang mukmin itu adalah bersaudara. Sama-samalah kita berdoa semoga hubungan silaturahim kita akan sentiasa terjalin serta terpelihara dan kita semua mendapat reda Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya** : "*Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat*". (Surah Al-Hujurat, ayat 10)

# Rumine Corporation, pemenang pusingan tempatan She Loves Tech



**RUMINE Corporation dinobatkan sebagai pemenang dalam Pertandingan She Loves Tech bagi pusingan Negara Brunei Darussalam dan akan menjadi syarikat *startup* tempatan pertama yang akan bertanding dalam Pertandingan Startup Global She Loves Tech 2022.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Golden Equator**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 15 September. - Rumine Corporation, sebuah syarikat *startup* teknologi tempatan telah dinobatkan sebagai pemenang dalam Pertandingan She Loves Tech bagi pusingan Negara Brunei Darussalam (NBD) dan akan menjadi syarikat *startup* tempatan pertama yang akan bertanding dalam Pertandingan Startup Global She Loves Tech 2022, iaitu sebuah platform pemangkin terbesar di dunia, yang juga merupakan pertandingan *startup* untuk wanita dan teknologi.

Pusingan pertama She Loves Tech bagi NBD telah menyaksikan lapan finalis menyertai Bootcamp dan Pitch Day selama lima hari yang berlangsung pada minggu lepas, bertempat di Makmal Inovasi Brunei, Anggerek Desa.

Pusingan Global bagi pertandingan berkenaan akan berlangsung di Singapura pada penghujung tahun ini.

Rumine Corporation, merupakan sebuah syarikat teknologi yang membolehkan mana-mana perniagaan atau industri mencipta Augmented Reality (AR), Virtual Reality (VR), Extended Reality (XR) dan Applied Games mereka sendiri.

Manakala, Startup lain yang mengambil bahagian terdiri daripada pelbagai sektor dalam platform insurans bersepadu AI hinggalah ke pusat komuniti kitar semula plastik.

Beberapa peserta lain termasuk Thryffy Technologies, Alora Collection, Mavensdotlive dan Tebalik Plastik.

Startup yang disenarai pendek di seluruh dunia, termasuk syarikat startup Brunei yang memenangi, iaitu Rumine Corporation, seterusnya akan mengambil bahagian dalam Pusingan Akhir Global dan mereka akan dapat membuat pembentangan di hadapan pelabur secara langsung dan berpeluang memenangi pelaburan sehingga AS$100,000 dan hadiah wang tunai, serta peluang pelaburan bersama daripada dana gabungannya.

"She Loves Tech di Brunei menjadi satu pengalaman yang menakjubkan. Kami berbesar hati kerana diberi peluang untuk bertemu dan berhubung dengan pelbagai usahawan wanita yang kreatif dan cemerlang serta pakar industri dalam matlamat mereka untuk menjadikan masa depan yang lebih baik untuk Brunei, dan kami teruja untuk mewakili Brunei di Pentas Global!," jelas Pengasas Bersama Rumine Corporation, Sarinah binti Ziziumiza.

Ini adalah tahun pertama Pertandingan Startup Global She Loves Tech berlangsung di NBD, diungkayahkan oleh Pinnacle, perusahaan pembelajaran dan pembangunan Golden Equator dengan sokongan pelbagai rakan kongsi tempatan.

Rakan kongsi berkenaan merupakan Rakan Kongsi Ekosistem – Makmal Inovasi Brunei; Rakan Industri Eksklusif – Imagine Sdn. Bhd.; dan rakan kongsi utama lain termasuk GDG Brunei Darussalam, Women Techmakers Brunei dan Tyne Solutions.

Para hakim untuk Pitch Day ialah Naib Presiden Bersekutu dan Pengurus Besar, Makmal Inovasi Brunei, Freddie Ting; Pengurus Kanan Pembangunan Kapasiti Digital, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi (AITI), Hajah Farihah binti Haji Md. Said; dan Ketua Pembangunan Perniagaan dan Perkongsian untuk Perniagaan Perusahaan, Imagine Sdn. Bhd., Shenny Tang.

"Pertandingan dan *bootcamp* ini memberikan pendedahan dan rangkaian yang baik kepada syarikat *startup* Brunei dengan komuniti global. Saya gembira melihat platform untuk usahawan teknologi wanita dapat didengari dan berharap untuk melihat lebih ramai wanita diperkasakan dalam perniagaan teknologi dengan sokongan rakan sejawatan lelaki mereka," ujar Dayang Hajah Farihah.

Pinnacle merupakan perusahaan pembelajaran dan pembangunan Golden Equator yang aktif dalam bidang keusahawanan tempatan sejak tahun 2018, bekerja dengan Darussalam Enterprise (DARe).

Bersama dengan DARe, Golden Equator telah mengadakan 10 *bootcamp* keusahawanan yang telah memberi bantuan kepada lebih 200 buah syarikat *startup* dan perniagaan mikro di negara ini dengan melengkapkan mereka dengan set kemahiran perniagaan dan kewangan teras, membantu mereka mengumpul lebih daripada AS$1 juta dalam pelaburan, menyumbang kepada lebih banyak daripada 20 jenis produk teknologi, dan menjana lebih daripada 450 peluang pekerjaan di dalam negara.

>> Muka 19

Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

# MENJAGA SILATURRAHIM

**Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam**
Pada 19 Safar 1444H/16 September 2022M

## Agama Islam Menganjurkan Umatnya

Sentiasa **menjaga** silaturrahim

| Mengeratkan Hubungan Silaturrahim | Memutuskan Hubungan Silaturrahim |
| --- | --- |
| Hukumnya adalah **wajib** | Hukumnya adalah **haram** |

Ada **beberapa cara** yang boleh kita lakukan untuk **menjaga** hubungan silaturrahim




> "Jika berlaku perselisihan, sebaiknya kita berusahalah untuk mencari jalan penyelesaian dan jalan perdamaian kerana semua orang mukmin itu adalah bersaudara"

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan
Jabatan Hal Ehwal Masjid
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِىُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا۠ عَبْدُكَ،
وَأَنَا۠ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملث ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Beliau juga turut menekankan cabaran atau masalah yang sering dihadapi oleh Service Champions mengenai sejumlah pelanggan enggan mematikan enjin kenderaan semasa mengisi minyak dan sering juga terjadi pembayaran dibuat awal yang seharusnya dibayar selepas pengisian minyak.

Menurutnya lagi, bagi pelanggan yang menggunakan bekas atau kontena untuk mendapatkan bekalan minyak perlu menggunakan kontena minyak yang diluluskan dengan jumlah pembelian serta mengisi minyak ke dalam bekas atau kontena di luar kenderaan.

"Dalam mengatasi cabaran-cabaran seumpama ini, Service Champions kami juga turut diingatkan mengenai garis-garis panduan disamping pihak Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSM) juga sering mengadakan kursus-kursus serta kempen-kempen agar memastikan orang ramai juga tahu langkah-langkah keselamatan di stesen minyak," ujarnya semasa ditemui semasa kempen keselamatan yang diadakan di Stesen Minyak Tumasek, di sini.

Dalam hubungan itu katanya, adalah disarankan juga kepada orang ramai untuk bekerjasama dan sabar di stesen minyak bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Panggilan BSM menerusi talian +673 2244739 jika mereka melihat atau memerhati sebarang ketidakpatuhan atau tingkah laku tidak selamat di stesen-stesen minyak.



**ORANG ramai khususnya pelanggan di stesen-stesen minyak diingatkan untuk sentiasa mematuhi langkah-langkah keselamatan semasa berada di stesen minyak.**

# Penutupan separuh jalan di Lebuhraya Tungku

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 15 September. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai terutama para pengguna lebuh raya mengenai penutupan separuh jalan di Lebuhraya Tungku di kedua-dua hala lorong kiri bermula Khamis, 15 September 2022 sehingga 14 Oktober 2022, bermula jam 10.00 malam hingga 4.30 pagi.

Penutupan separuh jalan berkenaan adalah untuk membolehkan kerja-kerja pencantasan dahan-dahan dan pemotongan pokok di sepanjang Lebuhraya Tungku dapat dilaksanakan.

Pihak jabatan ingin menasihatkan para pengguna lebuh raya tersebut untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan melalui Talian Darussalam : 123 / Livechat Talian Darussalam 123 (+673 8333123) atau e-me l: *pro@pwd.gov.bn.*



**PENUTUPAN separuh jalan di Lebuhraya Tungku di kedua-dua hala lorong kiri bermula Khamis, 15 September 2022 sehingga 14 Oktober 2022, bermula jam 10.00 malam hingga 4.30 pagi.**

# Info penyakit haiwan ternakan

Rencana dan Foto : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

### Apakah itu penyakit kuku dan mulut, foot and mouth disease (FMD)?

**FMD** adalah penyakit ternakan yang merbahaya, mudah menjangkiti dan memberi impak yang besar kepada industri ternakan di seluruh dunia. Penyakit ini adalah berpunca daripada jangkitan virus Apthovirus dari keluarga Picorbavirudae. Penyakit ini mudah menjangkiti lembu, kerbau, kambing, bebiri, rusa dan lain-lain binatang yang berkuku dua.

### Tanda-tanda klinikal bagi ternakan lembu

1. Air liur yang banyak dan berhingus tidak terkawal.
2. Luka di gusi, lidah dan pipi lembu.
3. Luka di celah-celah kuku lembu.

### Tanda-tanda klinikal bagi ternakan kambing dan biri-biri

1. Luka pada gusi dan lidah kambing.
2. Luka di celah-celah kuku kambing.

### Tanda-tanda klinikal lain

1. Demam.
2. Tempang.

### Cara penyakit berjangkit

1. Haiwan kepada haiwan.
2. Penularan dari manusia ke haiwan ternakan.

### Impak-impak penyakit

1. Boleh menjejaskan potensi pemasaran eksport dan penjualan.
2. Boleh menyebabkan penurunan berat badan secara drastik haiwan yang dijangkiti.
3. Mengurangkan kesuburan binatang ternakan dan juga boleh mengurangkan penghasilan susu.

### Langkah-langkah pencegahan untuk mengurangkan jangkitan

1. Mengukuhkan langkah penjagaan biosekuriti ladang.
2. Untuk mematuhi protokol pengimportan haiwan yang terkawal.
3. Memastikan segala pergerakkan haiwan ternakan dalam pengawasan yang ketat dan dalam kawasan yang sempadan Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan negara-negara jiran.

### Perkhidmatan, inisiatif bagi mengawal penularan jangkitan penyakit

Unit Kesihatan Haiwan dan Kawalan Penyakit (UKHKP) secara aktif menjalankan pemantauan dengan mengambil sampel-sampel darah secara rambang daripada ladang-ladang ternakan di NBD.

Unit Kesihatan Haiwan Veterinar dan Pengurusan Import Haiwan secara berterusan mengawal kemasukan import atau prosedur pindah alih (*transit*) komoditi haiwan di NBD.

Unit Kemajuan Industri Ternakan membimbing pengusaha ternakan ke arah keluaran porduk ladang yang berkualiti mengikut piawaian Amalan Pemeliharaan Ternakan Yang Baik (GAHP).






# Indahnya Bahasa Isyarat

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Jabatan Penerangan

MAHIR dalam mengaplikasikan Bahasa Isyarat adalah satu kelebihan bagi setiap individu, Bahasa Isyarat digunakan sebagai alat komunikasi bukan hanya dalam kalangan mereka, tetapi juga untuk berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling. Bahasa Isyarat perlu dipelajari secara meluas kerana ia boleh membantu merapatkan jurang komunikasi di antara masyarakat dan Orang Kelainan Upaya (OKU) Pendengaran dalam mengongsikan maklumat, ilmu, pendapat dan juga bagi memahami secara mendalam, sekali gus menjaga kesejahteraan golongan berkenaan.

**Kelebihan menggunakan Bahasa Isyarat?**

Bahasa Isyarat itu penting kerana ia sebagai salah satu alat komunikasi supaya *kitani* dapat berkongsi maklumat kepada semua orang, termasuk masyarakat kurang pendengaran dan mengelakkan mereka berasa tersisih.

Selain itu Bahasa Isyarat juga boleh digunakan untuk berkomunikasi bersama anak-anak yang belum boleh bertutur serta diguna pakai bersama masyarakat yang menghadapi masalah kurang pendengaran seperti dalam kalangan warga emas.

Ejaan Jari (Finger Spelling) merupakan bahagian mustahak dalam komunikasi Orang-Orang Berkeperluan Khas Pendengaran yang digunakan untuk mengeja nama khas dan perkataan-perkataan yang tiada Kod Tangan.

Sementara Kod Tangan pula merupakan kod-kod dan isyarat-isyarat yang diseragamkan menurut asas-asas juga tatabahasa dan prinsip-prinsip bahasa Melayu sebagaimana yang didengar, diperbualkan, ditulis, dibaca dan difahami oleh orang ramai.

**Usaha untuk membimbing, membantu OKU Pendengaran**

Kelas Bahasa Isyarat bagi Orang Kurang Pendengaran (OKP) di Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula pada 1983, diadakan di Kelas Bimbingan Kanak-Kanak Cacat (KBKKC) di seluruh negara, ditubuhkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sementara Klinik Pendidikan bagi OKP bermula pada tahun 1986, di Unit ORL, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan menekankan pencegahan bantuan awal.

Klinik yang ditubuhkan itu, dihasrat akan dapat membantu para ibu bapa memahami akan keperluan anak-anak mereka dengan menggunakan kaedah 'komunikasi menyeluruh' dan mempersiapkan diri mereka sebelum melangkah ke dunia persekolahan.

**Peranan ibu bapa, keluarga**

Ibu bapa seharusnya perlu positif menerima anak masing-masing biar pun dalam apa jua keadaan kerana itu amanah dan tanggungjawab, luangkan masa pelajari dan memahami Bahasa Isyarat agar kanak-kanak ini tidak merasakan seperti dipinggir daripada masyarakat.

Begitu juga dengan peranan keluarga. Kerjasama dan saling membantu dapat menguatkan semangat dan memberikan mereka rasa disayangi.

Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Pelita Brunei berkesempatan untuk menemu bual Dr. Hajah Norbayah binti Haji Shahminan, Penasihat Persatuan OKP Kebangsaan mengenai kepentingan Bahasa Isyarat ini dan mengapa orang ramai perlu mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Isyarat.

**S : Apakah definisi sebenar bagi Bahasa Isyarat?**

**J :** Bahasa Isyarat ialah satu kaedah komunikasi yang digunakan oleh warga minoriti pekak. Ia tidak menggunakan suara tetapi memerlukan gerak bibir seiring dengan gerak tangan yang bermakna berserta raut muka (ekspresi wajah) dan gerak badan yang bersesuaian untuk menyampaikan maklumat.

**S : Apakah kelebihan berkomunikasi menggunakan Bahasa Isyarat?**

**J :** Pelbagai kelebihan yang boleh diperolehi jika mahir berbahasa isyarat. Di antaranya ialah boleh berinteraksi bersama warga OKU Pendengaran dengan mudah; memudahkan memahami keperluan warga minoriti kurang pendengaran; boleh menjadi orang perantaraan menyampaikan maklumat dari OKU kepada orang yang mendengar dan sebaliknya.

Dengan adanya kebolehan berbahasa isyarat, boleh menggembirakan OKP kerana mampu memahami maklumat yang mereka sampaikan.

Jika orang yang *normal* mempelajari Bahasa Isyarat sehingga mencapai kemahiran ia sebagai *value added* kepada kelulusan sampingan.

Bahasa Isyarat boleh digunakan untuk pesakit yang tidak dapat bercakap atau tidak dapat bersuara akibat kemalangan, *stroke*, rosak *voice box* dan sebagainya.

Mereka yang mahir berbahasa isyarat juga boleh memahami gerak bibir, gerak tangan, gerak badan dan raut muka seseorang.

**S : Bagaimana menentukan seseorang itu layak untuk mempelajari Bahasa Isyarat?**

**J :** *Everyone is welcome to learn*, khasnya keluarga yang ada mempunyai ahli keluarga OKP.

**S : Bagi kanak-kanak pula, dari umur berapakah mereka diajar Bahasa Isyarat?**

**J :** Kanak-kanak boleh diajar selepas dilahirkan. Lagi awal diajar lagi baik, insyaaAllah.

**S : Apakah bayi juga boleh diajarkan Bahasa Isyarat? Jika ya, bermula dari umur berapa?**

**J :** Bayi atau anak damit juga boleh diajar selepas dilahirkan.

**S : Adakah terdapat pelbagai Bahasa Isyarat?**

**J :** Menurut Ethnologue 2021, ada lebih 150 bahasa isyarat yang digunakan di seluruh dunia.

**S : Apakah syarat khas bagi seseorang itu untuk menjadi tenaga pengajar? Adakah mereka ini diberi pengiktirafan dari badan-badan tertentu?**

**J :** Sekurang-kurangnya mempunyai sijil selepas mengikuti ujian atau peperiksaan yang diselenggarakan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGOs) tempatan atau luar negeri. Majoriti sijil dikeluarkan oleh Badan-Badan Persatuan Orang Pekak. Orang-orang sering dipilih menjadi *examiner* atau penilai.

**S : Adakah keluarga bagi yang mempunyai masalah pendengaran atau bisu boleh belajar Bahasa Isyarat? Di mana dan bagaimana prosesnya?**

**J :** Ia satu kewajipan untuk keluarga mempelajari Bahasa Isyarat bagi yang mempunyai ahli keluarga pekak (tuli) atau masalah pendengaran. Akibat masalah pendengaran, OKP menjadi bisu. Tetapi jika orang bisu tiada mengalami masalah pendengaran, mereka perlu mengikuti terapi pertuturan.

**S : Di NBD, ada beberapa pertubuhan yang mengendalikan Bahasa Isyarat? NGOs? Di mana pejabat, nombor telefon, bagaimana hendak mendaftar?**

**J :** Ada tiga pertubuhan yang saya tahu, iaitu Persatuan OKP Kebangsaan dan Persatuan Pendidikan Khas (FITRAH). Kedua-dua persatuan ini bergiat aktif bersama Jari-Jari Ku. Bagi sebarang pertanyaan, awda boleh menghubungi Setiausaha OKP - +673 8761621 / Setiausaha FITRAH - +673 8915264.

**S : Pada pandangan doktor, bagaimana kita dapat meyakinkan ibu bapa akan pentingnya mempelajari Bahasa Isyarat kerana ada kalangan ibu bapa yang tidak mempelajari teknik Bahasa Isyarat untuk berkomunikasi dengan anak mereka.**

**J :** Sejak saya melibatkan diri dalam bidang ini dari tahun 1996 sehingga kini, isu ini memang kurang berjaya dikendalikan kerana hanya segelintir ibu bapa yang betul-betul mahu meluangkan masa mereka untuk duduk dan belajar Bahasa Isyarat. Ini yang menyebabkan sukar untuk mereka memahami keperluan anak-anak mereka.

Sejak tahun 2020 semakin ramai yang berminat, tambahan lagi dengan adanya keperluan oleh beberapa badan kerajaan seperti Radio Televisyen Brunei, ini telah menyuntik ramai yang berminat untuk mempelajari secara berbayar. Sangat menggalakkan jika badan kerajaan terlibat dalam melaksanakan keberkesanan Pendidikan Inklusif dan inklusiviti masyarakat.

**Kesimpulan**

Bahasa Isyarat mempunyai kepentingannya tersendiri bukan hanya untuk berkongsi maklumat tetapi menunjuk ajar masyarakat kurang pendengaran betapa pentingnya ilmu yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan. Masyarakat juga perlu faham bahawa kekurangan yang ada pada mereka yang kurang berkeupayaan bukan menjadi ukuran sama ada mereka berjaya atau tidak tetapi semangat serta kemahuan untuk terus berjaya seperti orang normal.

Sebagai ibu bapa, sikap lepas tangan dengan menyerahkan tanggungjawab mendidik anak mereka yang pekak dan bisu kepada guru boleh menyulitkan komunikasi dengan anak. Keterbatasan dalam komunikasi ini boleh menjadi jurang antara hubungan anak dan ibu bapa. Berilah sokongan dengan mempelajari Bahasa Isyarat.



BERITA GLOBAL

# KERJASAMA EKONOMI ASEAN-CHINA MEMBUAHKAN HASIL - PM KEMBOJA

**PHNOM PENH**, 16 Sept - Perdana Menteri Kemboja Samdech Techo Hun Sen berkata kerjasama ekonomi China-ASEAN telah menyumbang kepada pelbagai pencapaian memberangsangkan sejak kedua-dua pihak menandatangani Perjanjian Rangka Kerja ASEAN-China mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif pada 2002 dan perjanjian perdagangan bebas serta pelaburan lain.

Dalam ucapan yang disampaikan melalui pautan video sempena pembukaan Ekspo China-ASEAN ke-19, Hun Sen berkata kedua-dua pihak berjaya melaksanakan perjanjian perdagangan bebas China-ASEAN versi 1.0 dan 2.0 sejak beberapa tahun lalu, dan Kemboja menyokong peningkatan perjanjian kepada versi baharu 3.0, lapor Xinhua.

Beliau menyeru China dan ASEAN memperluas dan memperdalam skop kerjasama ekonomi, meminimumkan halangan perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan, serta menggalakkan pembangunan ekonomi digital, pertumbuhan hijau dan pembinaan kapasiti perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Saya yakin pelaksanaan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) mulai tahun ini, bukan sahaja akan mewujudkan lebih banyak peluang perdagangan dan pelaburan untuk negara-negara di rantau ini, tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ketara sektor-sektor berkaitan," katanya.

Pelaksanaan RCEP juga akan menjadi "rangka kerja teras" untuk membina versi 3.0 bagi kawasan perdagangan bebas China-ASEAN pada masa depan, katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan China yang sentiasa menyokong pembangunan dan kemakmuran ASEAN.

"Selaku pengerusi ASEAN untuk 2022, Kemboja akan terus berusaha mengukuhkan lagi kerjasama antara ASEAN dengan China demi memastikan kemampanan, keterangkuman dan daya tahan pembangunan sosioekonomi di kedua-dua wilayah," kata Hun Sen.

Ekspo China-ASEAN ke-19 diadakan dalam talian dan luar talian di Nanning, di Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang, selatan China, dari 16 hingga 19 Sept.

Negara anggota ASEAN terdiri Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.-©BERNAMA

# Sistem makanan berdepan tekanan

**JAKARTA**, 16 Sept. - Bank Pembangunan Asia (ADB) mendapati sistem makanan kini berdepan tekanan yang semakin meningkat akibat cuaca ekstrem, kesan pandemik COVID-19, gangguan rantaian bekalan, serta ketakjaminan dan peningkatan konflik.

Keadaan ini mencetuskan kenaikan harga makanan global seperti dinyatakan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Indeks Harga Makanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyaksikan peningkatan hingga 54 peratus dari Mei 2020-Jun 2022.

"Krisis makanan yang semakin meningkat bermakna lebih ramai keluarga kelaparan setiap hari di negara membangun di Asia," kata ketua Program Pembiayaan Rangkaian Perdagangan dan Bekalan (TSCFP) ADB, Steven Beck.

Dalam satu kenyataan, beliau berkata bank itu meningkatkan had risiko TSCFP ke atas jaminan pembiayaan perdagangan untuk import makanan sebanyak US$300 juta bagi mengurangkan krisis yang semakin teruk di Asia dan Pasifik.

"Had baharu yang lebih tinggi membolehkan kami dan bank mengembangkan pembiayaan perdagangan serta meningkatkan keselamatan makanan di Asia," katanya.

Sejak Mac 2021, TSCFP menyokong lebih 1,900 import berkaitan makanan dan pertanian bernilai US$2.3 bilion kepada 10 negara membangun di Asia, terutamanya Bangladesh, Vietnam dan Pakistan.

Disokong oleh penarafan kredit AAA ADB, TSCFP menyediakan pinjaman dan jaminan kepada lebih 200 bank rakan kongsi bagi menyokong perdagangan, mewujudkan peluang import dan eksport untuk perusahaan di seluruh Asia dan Pasifik. - ©BERNAMA

# Tenaga boleh baharu sumbang 40 peratus jumlah tenaga Kemboja

**PHNOM PENH**, 15 Sept - Perdana Menteri Kemboja, Samdech Techo Hun Sen, berkata tenaga boleh baharu daripada tenaga hidro, tenaga solar dan tenaga biomass, menyumbang 40 peratus daripada jumlah tenaga negara itu, lapor Xinhua pada Khamis.

Dalam kenyataan menerusi rakaman video yang disiarkan pada majlis pembukaan Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga ASEAN ke-40, yang berlangsung secara bersemuka dan maya di Phnom Penh, Hun Sen berkata Kemboja aktif menyepadukan sumber-sumber tenaga boleh baharunya.

"Pada 2021, tenaga daripada sumber boleh baharu, termasuk tenaga hidro, solar dan biomass, meningkat kepada 40 peratus daripada jumlah tenaga negara itu," katanya. "Dari segi kapasiti tenaga daripada sumber tenaga Kemboja, bahan tenaga boleh baharu menyumbang sebanyak 55 peratus daripada kapasiti tenaganya," katanya.

Permintaan ke atas tenaga di Kemboja melonjak kepada 4,014 megawatts (MWs) pada 2021. Sejumlah 3,033 MWs dijana menerusi empangan elektrik hidro tempatan, loji tenaga arang batu, loji tenaga dijana diesel. loji tenaga solar serta loji tenaga biomass, dan 981 MWs lagi diimport dari negara jiran Thailand, Laos dan Vietnam, menurut Pihak Berkuasa Elektrik Kemboja.

Hun Sen berkata Kemboja akan terus memberi tumpuan ke atas pembangunan kecekapan tenaga dan tenaga oleh baharu pada tahap tertinggi dalam sistem bekalan tenaga Kemboja, selari dengan pengurangan dalam pembangunan sumber tenaga yang menggunakan bahan api fosil seperti arang batu dan minyak.-©ERNAMA

# 36 peratus rakyat Palestin hidup di bawah garis kemiskinan

**NEW YORK**, 15 Sept. - Kira-kira 36 peratus penduduk Palestin hidup di bawah paras kemiskinan, menurut laporan terbaharu Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) pada Rabu.

Pada 2021, masalah pengangguran di wilayah Palestin yang diduduki kekal tinggi iaitu pada kadar 26 peratus.

Laporan itu turut mendedahkan ketakjaminan makanan meningkat daripada sembilan peratus kepada 23 peratus di Tebing Barat, manakala 50 peratus kepada 53 peratus di Gaza, lapor Agensi Berita Jordan (Petra).

Pendudukan Israel telah memecah-belahkan ekonomi Palestin dan menghalang pengeluar memperoleh akses kepada pasaran serantau dan global.

Dengan peningkatan kos pengangkutan dan pengeluaran, pendudukan Israel telah membantutkan daya saing pengeluar Palestin, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

# Hutang negara Korea Selatan semakin meningkat walaupun hasil mengukuh

**SEOUL**, 15 Sept.- Hutang negara Korea Selatan semakin meningkat meskipun hasil cukai mengukuh, disebabkan perbelanjaan yang lebih besar untuk peniagaan kecil yang teruk terjejas akibat pandemik, selain kumpulan lain yang mudah terjejas.

Menurut data pada Khamis, jumlah hutang mencecah 1,022 trilion won (US$732.88 bilion) pada akhir Julai, meningkat 14.5 trilion won berbanding pada tahun sebelumnya, menurut agensi berita Yonhap yang memetik data Kementerian Kewangan.

Sehingga akhir 2021, hutang negara berjumlah 939.1 trilion won, namun meningkat pada kadar yang kukuh, dengan pertama kalinya melepasi paras 1,000 trilion pada April.

Jumlah hasil negara itu untuk tempoh tujuh bulan pertama tahun ini sebanyak 394 trilion won, menokok 37.1 trilion won berbanding tahun lepas, hasil daripada peningkatan kutipan cukai korporat dan pendapatan susulan pemulihan ekonomi baru-baru ini.

Bagaimanapun perbelanjaan meningkat 72.8 trilion won kepada 450.4 trilion won pada akhir Julai, dengan kerajaan merancang untuk melaksanakan satu lagi pusingan dana bantuan kepada pemilik perniagaan kecil yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19, selain peningkatan dalam pelbagai program antivirus, menurut data berkenaan.

Imbangan fiskal terurus itu, pengukur utama kedudukan fiskal, mencatatkan defisit 86.8 trilion won pada akhir Julai, meningkat kepada 29.9 trilion won pada tahun sebelumnya.

"Kami mencatat defisit ekoran program belanjawan tambahan yang akan dilaksanakan tidak lama lagi. Kami akan mengurus imbangan itu dalam tempoh sasaran, menjelang akhir tahun," katanya dalam kenyataan itu.

Menurut Yonhap, untuk tahun depan, kerajaan mencadangkan belanjawan berjumlah 639 trilion won, peningkatan 5.2 peratus. Ia merupakan pertumbuhan perbelanjaan paling perlahan dalam tempoh enam tahun, selari langkah pengetatan dasar bagi meningkatkan kedudukan fiskal. - ©BERNAMA

# Penyelidik Taiwan temui kaedah rawat pembekuan darah pesakit COVID-19

**TAIPEI**, 15 Sept - Pasukan penyelidik Academia Sinica mengenal pasti dua reseptor penting yang boleh menjadi pelan tindakan dalam merawat pembekuan darah yang disebabkan oleh COVID-19, komplikasi jangka panjang yang dikaitkan dengan penyakit berkenaan.

Central news agency (CNA) melaporkan pasukan itu yang diketuai Hsieh Shie-liang, mengesan mekanisma yang menyebabkan pembentukan 'neutrophil extracellular traps' (NET), faktor penyumbang dalam trombosis dalam kalangan pesakit COVID-19.

Dalam kajian ke atas pesakit demam denggi, pasukan Hsieh sebelum ini mendapati platelet menyebabkan pengeluaran vesices ektracelular (EVs) yang meningkatkan pembentukan induced NET menerusi dua reseptor -- CLEC5 and TLR2.

Pasukan hipotesis Hsieh mendapati mekanisma ini turut menyumbang kepada pembekuan darah dalam kalangan pesakit kritikal COVID-19, dengan paras platelet EV yang tinggi.

Menurut CNA, penyelidikan itu yang diterbitkan dalam edisi 11 Julai Journal of Biomedical Science, menyebut pasukan itu membandingkan EV penyumbang sihat dan pesakit COVID-19, dan mendapati tiada pembentukan NET dalam kalangan penyumbang sihat.

Menggunakan tikus sebagai ujikaji, pasukan itu mendapati walaupun virus SARS-CoV-2 membentuk induced NET, kehadiran platelet telah menyumbang kepada peningkatannya dengan ketara.

Menurut pasukan itu, penemuan itu menunjukkan platelet merupakan penggalak kuat pembentukan induced NET SARS-CoV-2-.

Pasukan itu berkata keputusan itu adalah konsisten dengan atau tanpa kehadiran platelet, yang membuktikan peranan kritikal yang dimainkan oleh dua reseptor pembentukan induced NET SARS-CoV-2.

Hsieh berkata sasaran ke atas CLEC5A dan TLR2 boleh menyediakan pelan tindakan yang baik untuk kajian pada masa depan bagi menangani pembekuan darah yang berpunca daripada COVID-19 dan komplikasi jangka panjang yang dikaitkan dengan COVID-19, katanya.- ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# VIETNAM KEKAL PENGEKSPORT KOPI KEDUA TERBESAR DUNIA

**HANOI**, 16 Sept - Kopi Vietnam yang dieksport ke lebih 80 negara serta wilayah dan menguasai 14.2 peratus pasaran global menjadikan negara itu pengeksport kedua terbesar di dunia.

Vietnam mengeksport 112,531 tan kopi bernilai US$266 juta pada Ogos, meskipun dari segi kuantiti menunjukkan penurunan sebanyak empat peratus tetapi nilai jualan produk itu mencatatkan peningkatan 13 peratus, lapor Agensi Berita Vietnam (VNA), memetik Jabatan Am Kastam negara itu.

Dalam tempoh lapan bulan, Vietnam merekodkan keuntungan US$2.8 bilion hasil eksport 1.2 juta tan kopi.

Kopi ialah satu daripada enam elemen utama yang menjana kewangan dengan hasil tahunan melebihi US$3 bilion.

Pasaran utamanya ialah Eropah, Amerika Syarikat, Rusia, Jepun dan United Kingdom.

Menurut VNA, Vietnam pada masa ini mempunyai 97 kilang pemprosesan biji kopi dengan kapasiti penghasilan tahunan sebanyak 1.5 juta tan, 160 pemanggang kopi, lapan jenama kopi segera dan 11 kemudahan pengeluaran kopi campuran.- ©BERNAMA

## Kedutaan Poland, Ukraine anjur pameran, dokumentari perang

**KUALA LUMPUR**, 16 Sept - Kedutaan Ukraine dan Poland di Malaysia pada Khamis bersama-sama menganjurkan acara sambutan sempena ulang tahun ke-31 Kemerdekaan Ukraine dan 200 hari selepas krisis di Ukraine tercetus.

Kedutaan Poland dalam satu kenyataan kepada Bernama memaklumkan antara program yang dianjurkan ialah tayangan dokumentari dan aktiviti melukis bertemakan konflik di Ukraine.

Sementara itu, Kedutaan Ukraine pula menayangkan dokumentari karya pengarah filem yang juga wartawan Georgia, Toma Chagelishvili bertajuk "100 Hari Pertama Perang di Ukraine", manakala kedutaan Poland mempamerkan lukisan yang dihasilkan kanak-kanak, bertajuk "Mom, I don't want war! 1939-45 Poland/2022 Ukraine".

Diplomat, wakil masyarakat Ukraine dan Poland yang berada di sini, serta ekspatriat dan orang awam turut menyertai acara itu.- ©BERNAMA

## Biden tandatangan perintah eksekutif, jalankan kajian pelaburan asing dalam teknologi

**ANKARA** , 16 Sept. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden pada Khamis menandatangani perintah eksekutif untuk kajian mendalam berhubung pelaburan asing dalam bidang teknologi, terutamanya membabitkan cip dan rantaian bekalan, lapor Anadolu.

Pentadbiran Biden mendapati terdapat pelaburan tertentu daripada rakyat asing, terutamanya melibatkan pesaing atau seteru, boleh menimbulkan risiko kepada keselamatan negara.

"Sesetengah negara menggunakan pelaburan asing untuk mendapatkan akses kepada data dan teknologi sensitif bagi tujuan memudaratkan keselamatan AS.

"Memandangkan ia melibatkan isu keselamatan negara, termasuk tindakan sesetengah negara dan individu yang berusaha menjejaskan keselamatan AS semakin berleluasa, proses semakan Jawatankuasa Pelaburan Asing di Amerika Syarikat (CFIUS, atau Jawatankuasa) juga mesti diperluas," menurut kenyataan Rumah Putih.

Selain itu perintah eksekutif berkenaan turut mengaitkan peranan, tindakan dan keupayaan CFIUS terhadap pentadbiran keselamatan negara, termasuk memelihara kepimpinan teknologi, melindungi data sensitif rakyat Amerika dan meningkatkan daya tahan rantaian bekalan AS.

Akta CHIPS dan Sains dwipartisan memperuntukkan US$52.7 bilion untuk meningkatkan pengeluaran semikonduktor buatan Amerika, menangani kelemahan rantaian bekalan dengan mengeluarkan lebih banyak barangan keluaran tempatan, memperkukuh penyelidikan saintifik dan meningkatkan keselamatan ekonomi dan negara. - ©BERNAMA

## Guatemala : Rempuhan di konsert, 9 maut, 20 cedera

**GUATEMALA**, 16 Sept. - Sekurang-kurangnya sembilan orang maut manakala 20 lagi cedera dalam kejadian rempuhan di konsert meraikan Hari Kemerdekaan Guatemala di bandar Quetzaltenango pada Khamis.

Menurut laporan Palang Merah Guatemala, pihaknya dan anggota bomba bertindak membantu lebih 20 orang yang cedera mendapatkan rawatan di hospital.

Rempuhan berlaku di satu daripada pintu keluar menghala tapak pameran di luar konsert, dan pihak berkuasa Guatemala sedang menyiasat punca kejadian.

Tarikh 15 Sept menandakan ulang tahun kemerdekaan ke-201 Costa Rica, El Salvador, Guatemala, Honduras dan Nicaragua. - ©BERNAMA

## China : Program 'Impian Jelajah Angkasa Menerusi Lukisan' dapat sambutan menggalakkan

**BEIJING**, 16 Sept - Peserta remaja dari Mongol, Vietnam, Laos, Kemboja, Bangladesh, Afghanistan, Turkiye dan Kenya berjaya memenangi acara sempena program "Impian Jelajah Angkasa Menerusi Lukisan" dan kuiz "Angkasa" yang dianjurkan Pusat Asia Afrika Kumpulan Media China (CMG) dan Muzium Sains dan Teknologi China (CSTM).

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang diadakan di Beijing pada Khamis.

Pemenang menerima sijil penghargaan, kemeja-T dan cenderamata berbentuk alat permainan berunsurkan angkasa lepas berdasarkan module eksperimen di stesen angkasa China "Mengtian", "Wentian", "Tianhe" dan "Tiangong".

Tiga angkasawan Shenzhou-14 China Chen Dong, Liu Yang dan Cai Xuzhe yang sedang menjalankan tugas di stesen angkasa China turut mengucapkan tahniah kepada pemenang, menerusi pautan video.

Angkasawan pertama China Yang Liwei yang turut hadir pada majlis itu menjawab sebahagian pertanyaan daripada peserta luar negara mengenai kehidupan di angkasa.

Sejak aktiviti ini dilancarkan pada Jun lalu, pihak penganjur menerima lebih 600 karya lukisan dan lebih 1,000 soalan daripada peserta dari lebih 20 buah negara dan kawasan.

Lukisan yang dihantar antaranya bermotifkan perayau antara bintang, tamadun angkasa lepas, penggunaan ruang angkasa untuk kedamaian, dan kampung halaman yang diidamkan manusia.

Para peserta juga menitipkan harapan semoga program aeroangkasa China terus melakar kejayaan yang lebih cemerlang.

Tahun 2022 merupakan ulang tahun ke-30 program penerbangan angkasa lepas bermanusia China.

Setiap kemajuan yang dicapai China dalam pelaksanaan program ini menarik perhatian dunia luar, sekali gus mencetus inspirasi terhadap golongan belia pelbagai negara untuk mengejar impian menjelajahi angkasa.- ©BERNAMA

## Afghanistan kecam tindakan AS pindahkan US$3.5 bilion aset beku ke dana Swiss

**NEW DELHI**, 16 Sept. - Kerajaan sementara Afghanistan mengecam keputusan Amerika Syarikat (AS) untuk memindahkan US$3.5 bilion aset bank pusat Afghanistan ke sebuah entiti yang berpangkalan di Switzerland.

Wang daripada rizab beku Da Afghanistan Bank (DAB) akan digunakan untuk "membantu menstabilkan ekonomi Afghanistan", menurut Perbendaharaan AS pada Rabu.

Sementara itu, Kementerian Luar Afghanistan pada Khamis mendakwa bahawa pemindahan sebahagian daripada rizab DAB di AS ke Switzerland dan penggunaannya tanpa sebarang input dari Afghanistan adalah "tidak boleh diterima dan melanggar norma antarabangsa".

"Rizab ini tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan pengeluaran.

"Mengeluarkan rizab ini untuk tujuan lain tanpa persetujuan rakyat Afghanistan ialah langkah negatif terhadap kestabilan ekonomi Afghanistan yang dilakukan oleh AS.

"AS mengambil langkah ini tanpa berunding atau mendapatkan persetujuan kami, ia boleh menjejaskan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Afghanistan," kata jurucakap kementerian Abdul Qahar Balkhi dalam satu kenyataan.

Difhamkan AS menubuhkan "Dana Afghan" melalui Perbendaharaan dan Jabatan Negara dengan penyelarasan kerajaan Switzerland dan "pakar ekonomi Afghanistan".

"Taliban bukan sebahagian daripada Dana Afghan, dan perlindungan ketat dibuat bagi menghalang dana digunakan untuk aktiviti haram.

"Akaun Dana Afghan akan dikekalkan dengan Bank untuk Penyelesaian Antarabangsa (BIS) yang berpangkalan di Switzerland ," menurut kenyataan Perbendaharaan AS.

Dana itu akan membantu mengurangkan cabaran ekonomi yang dihadapi Afghanistan sambil melindungi dan memelihara rizab US$3.5 bilion daripada DAB, serta memberi manfaat kepada rakyat Afghanistan, kata timbalan setiausaha Perbendaharaan AS,Wally Adeyemo.

Pentadbiran Presiden Joe Biden telah membekukan kira-kira US$9.5 bilion aset bank pusat Afghanistan di AS selepas Taliban mengambil alih Kabul pada Ogos 2021 susulan kejatuhan rejim Ashraf Ghani yang disokong AS.

Pengumuman AS pada Rabu untuk menubuhkan dana amanah yang berpangkalan di Switzerland berdasarkan perintah eksekutif Biden pada Februari tahun ini. - ©BERNAMA

## Angka korban banjir di Pakistan hampir 1,500

**AMMAN**, 16 Sept. - Banjir besar di Pakistan telah mengorbankan hampir 1,500 orang setakat ini, menurut data pihak berkuasa tempatan pada Khamis.

Sementara itu, ratusan ribu orang hilang tempat tinggal, lapor Agensi berita Jordan (Petra).

Banjir yang dicetuskan hujan monsun dan pencairan glasier di pergunungan utara telah menjejaskan 33 juta penduduk, menghanyutkan rumah, pengangkutan, tanaman dan ternakan, manakala kerosakan dianggarkan mencecah US$30 bilion. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI
# SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# SENTIASA PROAKTIF, BUAT PERANCANGAN TERPERINCI



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat ke Mesyuarat Post Mortem Sukan Komanwel Kali Ke-22 (kiri). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada mesyuarat tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 14 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat ke Mesyuarat Post Mortem Sukan Komanwel Kali Ke-22 yang berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah mewakili BDNOC, dalam sabda antara lain menyeru agar persatuan-persatuan sukan kebangsaan supaya akan sentiasa memastikan dan membuat perancangan yang lebih terperinci terhadap atlet-atlet mereka.

Perkara tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia, sangat penting bagi mana-mana atlet dalam membuat persediaan bagi menghadapi pertandingan sama ada dari segi jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Dalam sabda, DYTM turut menekankan persatuan-persatuan sukan kebangsaan tidak seharusnya berharap kepada bantuan daripada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Jabatan Belia dan Sukan, dalam membuat persediaan dan perancangan.

Persatuan-persatuan tersebut sabda DYTM, perlu mempunyai sikap dan sifat yang proaktif di dalam mencari jalan, dan berusaha bagi kepentingan, dan menjaga kebajikan dan kepentingan para atlet.

Di samping itu, sabda DYTM lagi, persatuan-persatuan sukan kebangsaan hendaklah sentiasa bersatu hati dengan atlet-atlet mereka dalam sama-sama mencapai matlamat yang penting iaitu mengharumkan nama negara.

Pertelingkahan dalam mana-mana persatuan sukan kebangsaan sabda DYTM, tidak akan mendatangkan hasil ataupun kejayaan malahan, ia akan membawa kejatuhan kepada persatuan kebangsaan tersebut.

Sabda DYTM lagi, persatuan-persatuan sukan kebangsaan hendaklah sentiasa kreatif dalam mencari jalan penyelesaian bagi memastikan keharmonian di antara persatuan sukan kebangsaan dan atlet hendaklah sentiasa terjalin.

DYTM dalam sabda, berpendapat bahawa atlet-atlet itu telah pun menunjukkan dan membuktikan janjinya untuk memecah rekod persendirian ataupun kebangsaan, di samping mempamerkan semangat juang yang tinggi.

Oleh itu, DYTM dalam sabda juga berpendapat, atlet-atlet diharapkan akan dapat meneruskan persediaan dan seterusnya menetapkan hala tuju mereka dan perancangan bagi mengikuti kejohanan-kejohanan akan datang, di samping menetapkan sasaran dalam melayakkan diri di Sukan Olimpik, Paris, 2024 yang akan datang, sebagai satu matlamat titik.

Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Komanwel Kali Ke-22, Pengiran Siti Amal Jariah binti Pengiran Matjinen, dalam laporan mesyuarat berkenaan antara lain menyembahkan mengenai prestasi dan pencapaian atlet, di samping rumusan dan cadangan bagi pembaikan prestasi atlet.

Turut hadir ke mesyuarat tersebut, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Atlet Kebangsaan; dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan.

# Jurulatih, atlet sukan Petanque NBD berlepas ke Kuala Lumpur

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 14 September. - Seramai empat orang kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan Petanque yang akan menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022 berlepas ke Kuala Lumpur, petang tadi.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan kata-kata nasihat ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly serta pegawai-pegawai Jabatan Belia dan Sukan.

Kontinjen negara diketuai oleh Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke SUKMA XX MSN 2022, Malaysia.

Pada edisi kali ini, atlet dan pasukan negara akan menyertai sebanyak lima acara sukan iaitu Akuatik (Renang), Karate, Petanque, Pencak Silat dan Wushu.

NBD mula mengikuti SUKMA pada tahun 1996, di mana kali terakhir negara menyertai SUKMA ialah pada tahun 2018 di Negeri Perak.

Rombongan terakhir dijangka akan bertolak ke Kuala Lumpur, Malaysia pada Sabtu, 17 September 2022 ini nanti.



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama empat orang kontinjen Negara Brunei Darussalam terdiri daripada jurulatih dan atlet sukan Petanque yang akan menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

## Tahukah Awda

**PERBARAHAN** atau tempat membakar setanggi di ruang sembahyang utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien di Bandar Seri Begawan dibuat daripada perak yang dicipta oleh tukang perak Kampung Sungai Kedayan, diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Muhammad Taha. Perbarahan ini diukir halus dengan motif 'ayer muleh' Brunei dan kaligrafi Islam dan digunakan untuk menimbulkan suasana yang nyaman dalam masjid.

**SUMBER** : *Sejarah Ristaan 50 Tahun Masjid Omar 'Ali Saifuddien.*